

Bil. 33

**Selasa
22 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997

(Ruangan 13)

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 14

(Ruangan 25)

Maksud B. 22

(Ruangan 39)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1997

Jawatankuasa:

Maksud P. 7

(Ruangan 24)

Maksud P. 19

(Ruangan 39)

Maksud P. 22

(Ruangan 39)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Ruangan 45)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Dasar Pengangkutan Udara

- *Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)*

(Ruangan 45)

Pentadbiran dan Pembangunan Negara Menurut Lunas Islam

- *Y.B Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood
(Tumpat)*

(Ruangan 47)

Julai 1997.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

| | |
|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Yang Berhormat | Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) |
| “ | Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) |
| “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) |
| “ | Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) |
| “ | Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) |
| “ | Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai) |
| “ | Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| “ | Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) |
| “ | Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam) |
| “ | Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat) |
| “ | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau) |
| “ | Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar) |
| “ | Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas) |
| “ | Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) |
| “ | Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh) |
| “ | Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |
| “ | Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud) |
| “ | Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut) |
| “ | Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) |
| “ | Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu) |
| “ | Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) |
| “ | Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang) |
| “ | Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau) |
| “ | Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort) |
| “ | Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Telok Intan) |
| “ | Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang) |

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- Yang Berhormat Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWANRAKYAT

Selasa, 22 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Yassin (Muar) tidak hadir]

**PROGRAM PENANAMAN SEMULA RISDA -
DAKWAAN LESAPNYA WANG RM600 JUTA**

2. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan keadaan sebenar tentang dakwaan mengenai lesapnya RM600 juta bagi Program Penanaman Semula RISDA yang melibatkan 300,000 orang pekebun kecil, dan:-

- (a) berapakah pekebun kecil di Tawau yang menyertai dalam program tersebut dan berapa pula yang dijangka akan berpeluang menyertainya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh; dan
- (b) apakah kementerian bercadang akan merangkumkan tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil bagi maksud penanaman semula di Tawau.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan mulut ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Muar yang sepatutnya dijawab pada 30 Julai 1997 memandangkan keduanya menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan mengenai lesapnya RM600 juta bagi Program Penanaman Semula RISDA adalah tidak benar sama sekali, malah wang sejumlah demikian tidak pernah wujud di dalam

Tabung Tanaman Semula RISDA dan penjelasan telah pun dibuat termasuk kepada jemaah menteri pada 4 Jun yang lalu. Perkara ini timbul adalah kerana dikatakan terdapat kekeliruan dalam laporan akhbar mengenai perkara yang berkenaan.

Mengenai Rancangan Tanam Semula di Sabah dan Sarawak, sukacita dimaklumkan bahawa Program Tanaman Semula RISDA hanya meliputi kawasan dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri mengapakah kemasukan RISDA ke Sarawak begitu lembab dalam masa beberapa tahun yang lepas dan apakah rancangan untuk tahun-tahun yang akan datang? Terima kasih.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Sabah dan Sarawak telah ada Lembaga Tanaman Semula Getah masing-masing dan setakat ini kerajaan belum bercadang untuk meluaskan aktiviti RISDA di sana kecuali sekiranya ada permohonan lain daripada kerajaan negeri berkenaan, Kerajaan Pusat sedia menimbangkan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dalam Rancangan Tanaman Semula ini, kerja-kerja khususnya kerja untuk menebang pokok-pokok tua ini mestilah melalui sebuah syarikat dan hasil kayu itu mesti dijual kepada syarikat itu? Adakah ini benar dan kalau benar, mengapa? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut) tidak hadir]

**AMALAN PERUBATAN HERBALISME -
DASAR KERAJAAN**

4. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Kesihatan jelaskan apakah dasar kerajaan dalam menggalakkan rakyat mengamalkan perubatan "herbalisme" di samping kaedah-kaedah perubatan alopatis yang diamalkan di hospital-hospital kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia, Kementerian Kesihatan menawarkan perubatan alopati, rawatan secara moden yang telah lama terwujud. Walau bagaimanapun, penggunaan rawatan secara tradisional termasuklah penggunaan herba yang diamalkan, sama ada oleh pengamal tradisional Melayu, Cina dan juga India telah sedia ada dan menjadi pilihan penduduk secara individu.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak mempunyai halangan ke atas amalan cara rawatan tradisional yang dipilih oleh penduduk Malaysia, malah penggunaan herba ini adalah berdasarkan kepada perakuan pengamal sahaja (therapeutic claimed) dan tidak ada data saintifik yang menyokong keberkesanan dan keselamatan penggunaannya.

PENDATANG TANPA IZIN - ANAK YANG DILAHIRKAN

5. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan banyak pendatang tanpa izin atau pendatang asing yang mendapat permit kerja di negara ini telah didapati berkahwin dengan gadis-gadis di Malaysia dan telah mendapat anak:-

- (a) berapakah jumlah anak-anak yang dilahirkan di negara ini hasil perkahwinan tersebut, semenjak dari tahun 1991-1996; dan
- (b) berapakah jumlah anak-anak mereka mendapat pendidikan rendah dan menengah negara ini hingga sekarang dan adakah kementerian atau Kerajaan Malaysia mengiktiraf dan memberi taraf kerakyatan kepada bapa-bapa atau ibu-ibu pendatang asing yang terlibat dalam perkahwinan dengan warganegara Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan anak-anak hasil daripada perkahwinan orang asing dengan wanita warganegara Malaysia yang dilahirkan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh 1991 hingga 1995 ialah 4,358 orang.
- (b) Kerajaan tidak memberi taraf kerakyatan negara ini kepada orang-orang asing yang terlibat dalam perkahwinan dengan warganegara Malaysia kecuali mereka

memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan pertimbangan permohonan tersebut adalah mengikut merit. Mengenai bilangan anak-anak mereka yang mendapat pendidikan rendah dan menengah di negara ini, kementerian saya tidak ada statistik ini kerana ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun taraf kerakyatan tidak diberi kepada orang yang berkahwin tetapi bagaimana kedudukan dengan anak-anak mereka? Setakat hari ini berapakah taraf kerakyatan diberikan kepada anak-anak pendatang asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti ditetapkan oleh Perlembagaan kita, kalau sekiranya perkahwinan itu melibatkan salah seorang rakyat Malaysia dan anak itu dilahirkan di dalam Malaysia dan dilapor didaftar lahirnya secara sah, maka ikut Perlembagaan anak itu boleh dapat taraf kerakyatan dengan syarat salah seorang itu adalah rakyat Malaysia dan kementerian saya tidak ada satu angka yang spesifik mengasingkan kategori ini kerana kita hanya tengok orang yang layak di bawah peruntukan Perlembagaan, dia layak. Itu sahaja.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi perkahwinan yang melahirkan 4,358 anak-anak ini, adakah perkahwinan ini sah dari segi pendaftarannya dan apakah seterusnya berasas kepada itu dahulu ada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kalau perkahwinan itu tidak sah, maka suaminya itu akan dihantar balik. Jadi, apakah perkembangan terkini mengenai perkara ini? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, statistik yang dapat saya bekalkan tadi adalah perkahwinan yang sah iaitu mereka telah daftarkan perkahwinan dan melahirkan anak. Bagi sesiapa sahaja pendatang asing, kalau dia berkahwin dengan orang kita, tidak kira dia kahwin itu sah atau tidak sah, kalau dia tidak ada permit kerja ataupun pas lawatan yang sah, perkahwinan itu tidak boleh menjadi satu faktor untuk mengelakkan seseorang itu daripada diambil tindakan oleh undang-undang terutamanya Akta Imigresen. Jadi, kita tidak tengok dia kahwin atau tidak kahwin, kita tengok keadaan mereka, kehadiran mereka di negara ini adakah sah atau tidak dari segi Akta Imigresen. Jadi, kahwin

boleh jadi sah tetapi duduk di sini mungkin tidak sah. Itulah yang kita tengok.

KOMPUTER - BEKALAN KE SEKOLAH DI SARAWAK

6. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah sekolah yang mempunyai murid melebihi 1,000 orang telah dibekalkan dengan peralatan komputer yang cukup. Berapa peratuskah dari jumlah tersebut. Bilakah sekolah ini akan dibekalkan dengan komputer. Apakah rancangan kementerian untuk membekalkan komputer ke semua sekolah di Sarawak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak, bilangan sekolah yang mempunyai murid melebihi 1,000 orang ialah 43 buah sekolah rendah dan 68 buah sekolah menengah dan kesemua sekolah tersebut sudah dibekalkan dengan sebuah komputer untuk urusan pentadbiran sekolah pada tahun 1995 secara one-off. Setakat ini 35 buah sekolah menengah dan 40 buah sekolah rendah telah dikenal pasti untuk memulakan mata pelajaran komputer dalam pendidikan. Untuk tujuan tersebut, bagi setiap sekolah yang disebutkan 21 buah komputer termasuk satu 'server' telah atau akan dibekalkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar setakat ini Kementerian Pendidikan telah membekalkan sebanyak 200 buah komputer di sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak tetapi yang 200 itu semuanya disimpan di dalam stor dan gudang oleh kerana tidak ada bekalan elektrik? Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada tangan saya tidak ada maklumat tersebut, jadi saya anggap itu satu dakwaan. Namun demikian, saya akan siasat dan jawab secara bertulis.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kementerian hendak mengatasi ataupun akan mengatasi masalah bahan lucah yang disebarkan melalui Internet yang mudah diperolehi para pelajar menerusi komputer mereka di sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk sekolah-sekolah yang Kementerian Pendidikan bekalkan dengan kemudahan Internet, kemudahan tersebut digunakan oleh pelajar-pelajar

dengan penyeliaan guru-guru. Dalam konteks ini guru-guru akan cubalah sedaya supaya kemudahan itu tidak disalahgunakan. Namun demikian, harus disebutkan bahawa kemudahan Internet tersebut bukan sahaja didapati di sekolah tetapi juga di tempat-tempat lain luar dari sekolah dan Kementerian Pendidikan tidak ada kuasa langsung.

RUMAH KOS RENDAH - LANGKAH KERAJAAN

7. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tidakkah kementerian bercadang untuk menasihatkan kerajaan negeri supaya lebih berhati-hati meluluskan skim-skim perumahan yang tidak menyediakan rumah yang mampu dibeli oleh penduduk setempat atau dengan perkataan lain, ada pemaju yang hanya menyediakan rumah untuk golongan berpendapatan tinggi sahaja tanpa menghiraukan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, sejak dari Rancangan Malaysia Keempat lagi semua kerajaan negeri telah disaran melaksanakan dasar mensyaratkan pembinaan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah di setiap projek perumahan swasta. Nasihat sedemikian kepada kerajaan negeri masih sah lagi.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah pengecualian-kecualian yang membolehkan syarikat-syarikat pemaju ini tidak membina rumah-rumah kos sederhana atau rumah kos rendah memandangkan kebelakangan ini ada banyak kecenderungan mereka hanya membina rumah kos tinggi sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sebenarnya dalam dasar ini memang tidak ada kecualian untuk membina rumah kos rendah, tetapi kalau kawasan perumahan itu yang berdekatan bandar besar seperti Kuala Lumpur di mana kos tanahnya adalah amat tinggi, maka kerajaan negeri berkenaan boleh menggunakan cara lain supaya rumah kos rendah ini boleh dibina di tapak-tapak yang lain yang di luar kawasan di mana kos tanahnya adalah amat tinggi. Oleh sebab itu, maka adalah projek di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan lain-lain bandar yang besar seperti Pulau Pinang, maka pemaju itu tidak disyaratkan untuk mengikuti 30% rumah kos

rendah itu tetapi syarikat atau pemaju tersebut diminta atau disyaratkan untuk membina rumah kos rendah ini di kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada seorang Timbalan Menteri mengatakan bahawa pemilikan hartanah ataupun rumah oleh kaum bumiputera, khususnya kaum Melayu di Kuala Lumpur semakin menurun. Menurut jawapan Timbalan Menteri tadi rumah kos rendah tidak akan dibina di Kuala Lumpur memandangkan kos tanah yang tinggi. Jadi, adakah ini berarti bahawa kaum bumiputera khususnya kaum Melayu tidak akan dihirau ataupun hanya dipinggirkan oleh pihak kerajaan di dalam menggubal dasar mengenai pemilikan rumah di bandar.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Maksud saya bukan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Maksud saya ialah kalau di Kuala Lumpur di mana kos tanah itu adalah amat tinggi, maka pihak pemaju diberi kelonggaran sedikit untuk membina rumah kos rendah, tetapi di Kuala Lumpur juga ada syarat-syarat untuk membina rumah kos rendah di kawasan-kawasan tersebut supaya rumah kos rendah ini adalah jenis rumah pangsa di mana pihak golongan yang berpendapatan rendah boleh membeli atau menyewa rumah-rumah pangsa yang dibina di dalam sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8. Sebelum itu, saya berterima kasih kepada DAP, mula hari ini nampak dia memperjuangkan bumiputera. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hanya boleh bangkitkan soalan. Diingatkan.

Seorang Ahli: Tak tahu undang-undang.

PENCEMARAN SISA TOKSIK - JUMLAH PERUNTUKAN BAGI PENYELIDIKAN

8. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan yang diperuntukkan setiap tahun bagi mengatasi masalah pencemaran sisa toksik;

- (b) sama ada negara mempunyai kepakaran untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh, jumlah peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan bagi mengatasi masalah pencemaran sisa toksik adalah RM1.2 juta.
- (b) Negara kita memang mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, bantuan kepakaran daripada negara-negara luar masih diperlukan seperti dari Denmark, Amerika Syarikat dan Jepun dalam bidang-bidang tertentu seperti reka bentuk tapak, penimbunan yang selamat dan lain-lain.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Timbalan Menteri memberitahu setakat ini negara kita ada berapa pusat transit memungkah sisa-sisa toksik khas untuk Bukit Minyak di Pulau Pinang. Sama ada pusat transit sisa-sisa toksik ini telah dibina dan telah beroperasi?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita ada yang besarnya di Bukit Nanas, itu memakan belanja hampir RM300 juta dan di tempat-tempat lain belum ada lagi, masing-masing diberikan lesen sementara untuk menyimpan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme atau sistem penilaian yang sedia ada yang dapat memastikan bahawa semua atau kebanyakan projek R&D yang dijalankan di bawah peruntukan kerajaan adalah bermakna atau membawa hasil dan yang boleh memberi faedah kepada negara kita?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat ulang sekali lagi, saya tidak attentive tadi.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih. Apa yang saya hendak tanya ialah apakah mekanisme atau sistem penilaian yang sedia ada di bawah kementerian yang boleh memastikan bahawa semua atau kebanyakan projek R&D yang dijalankan dengan peruntukan kerajaan adalah membawa hasil atau faedah kepada negara kita. Sejauh manakah projek-projek R&D yang dijalankan adalah berhasil?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, hasilnya boleh dapat kita lihat sekarang, ada perubahan-perubahannya. Jadi, kesedaran yang diberikan kepada seluruh rakyat dari segi pembuangan sisa-sisa ini dan dari segi penyelidikan-penyelidikan (research) yang dibuat, ini disampaikan kepada pegawai-pegawai di peringkat bawahan dan hasilnya ada, saya tidak dapat hendak menyatakan satu-persatu perkara ini, Yang Berhormat.

**PUSAT PEMULIHAN AKHLAK WANITA -
KEMUDAHAN KEPADA PELATIH**

9. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah jenis kemudahan yang disediakan kepada pelatih-pelatih Pusat Pemulihan Akhlak Wanita yang ingin menduduki peperiksaan PMR dan SPM peratusan yang lulus pada 1994-1996 mengikut pusat dan negeri; dan
- (b) adakah kes-kes kecurangan/salah laku di antara pelatih-pelatih dengan pekerja/petugas di pusat-pusat berkenaan yang dikesan sehingga kini, jika ada apakah jenis tindakan yang telah dikenakan kepada pihak-pihak berkenaan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Jenis kemudahan yang disediakan untuk penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Wanita yang ingin menduduki peperiksaan PMR dan SPM adalah:
 - memberikan kemudahan fizikal pembelajaran seperti tempat yang selesa untuk belajar, kelas-kelas tambahan yang dikelolakan oleh guru-guru terlatih dari luar institusi;
 - mewujudkan pusat-pusat peperiksaan institusi-institusi pemulihan; dan
 - mengadakan pendidikan jasmani dan rohani bagi membantu menguatkan kesihatan fizikal dan mental penghuni-penghuni.

Maklumat mengenai keputusan peperiksaan adalah seperti berikut:

| Pusat Pemulihan | Tahun | PMR (%) | SPM (%) |
|--------------------------------------------------|-------|---------|---------|
| Taman Seri Puteri | 1994 | 50 | 40 |
| Batu Gajah, Perak | 1995 | 82 | 25 |
| | 1996 | 75 | 20 |
| Taman Seri Puteri Cheras, Selangor | 1994 | 100 | |
| | 1995 | | 100 |
| | 1996 | 100 | 100 |
| Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Se.abilan | 1995 | 100 | |
| | 1996 | 90 | 32 |

- (b) Setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat belum menerima sebarang laporan kes-kes kecurangan/salah laku yang berlaku di antara pelatih-pelatih dengan pekerja ataupun petugas di pusat-pusat pemulihan berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada laporan kes-kes kecurangan/salah laku di antara pelatih-pelatih atau petugas di pusat-pusat berkenaan, tindakan segera akan diambil untuk memperbetulkan kepincangan tersebut.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Menteri, adakah program-program seperti kaunseling dan lain-lain untuk memulihkan pelatih-pelatih di pusat pemulihan akhlak wanita?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, program kaunselinglah yang pertama dilakukan. Selain daripada itu, latihan-latihan seperti latihan kraftangan, jahitan, ekonomi rumah tangga, latihan komputer, akaun, masakan, katering, gubahan sulaman, bakeri, kek dan sebagainya, semua kita ajarkan kepada mereka.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi jelas menunjukkan keputusan peperiksaan bagi mereka di pusat ini amat membanggakan. Soalan saya, apakah tindakan susulan yang diambil oleh pihak kementerian ke atas pelatih-pelatih yang telah dibebaskan dari pusat pemulihan akhlak ini. Adakah mereka ini boleh diterima oleh masyarakat, mungkin

ada yang lari balik ikut kegiatan asal atau mungkin ada daripada mereka yang telah berjaya di dalam profesion masing-masing.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Benar, Tuan Yang di-Pertua, iaitu selama setahun mereka ini akan diselia oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat yang di dalam daerah berkenaan dan diharap juga bahawa keluarga mereka dan masyarakat akan membantu supaya menerima balik mereka ini. Sekiranya tidak diterima balik, maka itulah menyebabkan salah satu dari faktor yang menyebabkan mereka ini kembali semula kepada perlakuan-perlakuan lamanya.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN- PEMASANGAN 'CAT-EYE'

10. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab 'cat-eye' tidak dipasangkan di antara lorong dan di tepi jalan sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan supaya dapat mengurangkan kemalangan di lebuhraya tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pada masa ini kerja-kerja pemasangan 'cat-eye' di beberapa lokasi tertentu di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan sedang dijalankan. Kerja-kerja pemasangan telah dimulakan pada bulan Jun 1997 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan September tahun ini (1997).

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya apakah sebab-sebab utama kemalangan berlaku di atas jalan raya dan adakah ia disebabkan oleh kerana jalan-jalan raya itu tidak dibuat seperti yang diperlukan dari segi undang-undang? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vell: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya di negara ini direka bentuk oleh jurutera-jurutera dengan layanan yang tinggi. Itu yang pertama. Kemalangan berlaku oleh kerana manusia tidak menghargai jiwa mereka. [Tepuk]

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita perhatikan banyak cat-eye ini dipasang di jalan-jalan utama Persekutuan dan juga negeri, tetapi malangnya cat-eye ini dicuri dan dikeluarkan daripada tempatnya. Jadi, apakah langkah kementerian dan juga pejabat JKR di negeri-negeri dan daerah untuk memasangkan dan memastikan cat-eye ini bertahan lama dan sukar untuk dicabut ataupun dicungkil daripada tempat yang asal?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kaedah yang baru sedang dipasang dengan reka bentuk yang tidak boleh dapat dicuri. Jikalau seorang suka juga mencuri, beliau mesti bekerja lebih kurang setengah jam di atas jalan. Jikalau beliau ada di atas jalan setengah jam, barangkali dia tidak ada hidup lagi. [Ketawa]

OPERASI PELESENAN PERMIT BAS, TEKSI DAN LORI - PENUBUHAN PEJABAT CAWANGAN MENGIKUT NEGERI

11. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan mengenai operasi pelesenan permit bas, teksi dan lori:-

- (a) adakah kerajaan berhasrat menubuhkan pejabat cawangan mengikut negeri atau wilayah untuk tujuan perlesenan permit teksi, bas atau lori supaya pegawai-pegawai yang lebih faham tentang keadaan tempatan seperti jalan perjalanan bas (bas route) dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan sewajarnya berdasarkan keadaan tempatan; dan
- (b) adakah kementerian akan memindah kuasa pelesenan permit teksi, bas dan lori kepada pihak berkuasa negeri atau tempatan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,....

- (a) Pada masa ini Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) mempunyai beberapa pejabat wilayah selain daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur. Pejabat-pejabat wilayah ini adalah di wilayah utara Sungai Petani, wilayah tengah yang meliputi Kuala Lumpur, selatan di Muar dan timur di Kuala Terengganu. Selain itu, kami ada pejabat, satu di Kuching dan satu lagi di Kota Kinabalu. Oleh kerana kita dapati bahawa bilangan pejabat wilayah sudah mencukupi, kementerian tidak bercadang untuk membuka pejabat cawangan mengikut negeri. Lebih-lebih lagi kerana kita dapati bahawa prestasi pegawai-pegawai LPKP pada masa ini adalah memuaskan, dalam erti kata mereka memahami keadaan setempat.
- (b) Sama ada kementerian akan memindah kuasa pelesenan permit teksi dan lain-lain kepada negeri, kita tidak bercadang berbuat demikian, kerana dalam menjalankan tugas memang seperti biasa Kerajaan Pusat

berunding dengan kerajaan negeri, mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang bertanggungjawab tentang pengangkutan awam sebelum keputusan yang melibatkan negeri berkenaan diambil. Umpamanya, berkaitan dengan isu kereta sewa, bas berhenti-henti dan bas ekspres, kami mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri sebelum suatu keputusan dibuat. Oleh itu, tidak ada cadangan untuk memindahkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak kementerian sedar bahawa ada beberapa syarikat kenderaan bas yang enggan memberi perkhidmatan kepada penumpang-penumpang di beberapa tempat luar bandar di Pulau Pinang khususnya di kawasan Bukit Bendera atas sebab perkhidmatan tersebut itu tidak membawa keuntungan. Jadi, apakah tindakan yang boleh akan diambil atas syarikat bas ini walaupun ada beberapa kali syarikat bas ini telah diminta oleh Jawatankuasa Pengangkutan Awam Pulau Pinang untuk menjalankan dan meneruskan perkhidmatan tersebut?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kami telah menerima beberapa aduan daripada pengguna Pulau Pinang, termasuk daripada kerajaan negeri tentang keengganan syarikat-syarikat bas tertentu untuk melalui laluan-laluan di beberapa kawasan Pulau Pinang. Dalam beberapa kes umpamanya di Batu Maung setelah penyiasatan dibuat, maka keadaannya telah bertambah baik. Di segi peraturan undang-undang jika sebuah syarikat itu diminta ataupun dikehendaki untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan tertentu, maka perlulah syarikat berkenaan menyediakan perkhidmatan tersebut. Dalam hal ini, jika ada kes-kes spesifik, maka kita telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah, bukan sahaja di Pulau Pinang, baru-baru ini juga di utara Perak, di mana sebuah syarikat telah berhenti menjalankan perkhidmatan. Setelah perbincangan diadakan, maka sebuah syarikat lain telah pun mengambil alih. Jadi, dalam kes sedemikian jika syarikat yang sedia ada enggan menyediakan perkhidmatan, satu alternatif yang boleh dibuat ialah untuk meminta syarikat-syarikat yang berhampiran untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan sepertimana yang telah kita lakukan di beberapa kawasan tertentu.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perlu dan rasionalnya bagi

pihak kementerian membuat sekatan dan kawalan untuk mendapat permit lori keseluruhannya, kerana banyak permohonan yang betul-betul memerlukan dan berkeupayaan telah menunggu bertahun-tahun dan hal ini membuka ruang untuk perbuatan gejala rasuah?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kerajaan sedar kadang-kadang ada masalah dalam memproses permohonan. Tetapi dalam hubungan ini kita juga ingin menyatakan bahawa kerajaan tidak boleh meluluskan kesemua permohonan. Jika ini dilakukan maka tidak perlulah diwujudkan LPKP. Oleh itu, memang ada pihak yang tidak berpuas hati, kami sentiasa bersedia berunding dari masa ke semasa. Dan dalam kes-kes yang benar-benar memerlukan permit, kita ada Jawatankuasa Rayuan dan boleh dikemukakan kepada jawatankuasa tersebut. Memang ada kes-kes dirujuk kepada jawatankuasa yang telah diluluskan permohonan mereka.

BAJA DAN RACUN SERANGGA - KAWALAN HARGA

12. Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada baja dan racun serangga akan disenaraikan sebagai barang-barang kawalan supaya petani-petani tidak dibebankan dengan kenaikan harga barang-barang tersebut yang tidak terkawal.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini baja dan racun serangga diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Baja dan racun serangga adalah dikawal dari segi bekalan. Hampir semua keperluan baja dan racun serangga negara diperolehi melalui import. Hanya kira-kira 600,000 tan baja urea dihasilkan dalam negeri, tetapi kebanyakan dieksport, kerana berkualiti tinggi.

Dari segi racun serangga, hanya dua jenis dihasilkan dalam negeri, tetapi kesemuanya dieksport kerana tidak popular dalam pasaran tempatan. Oleh kerana negara bergantung kepada import, harga baja dan racun serangga ditentukan oleh kedudukan permintaan dan penawaran di pasaran dunia, dan dengan demikian harga berubah-ubah dan tidak stabil. Harga adalah rendah pada masa keluaran melebihi permintaan.

Pada ketika ini kementerian tidak bercadang untuk mengawal harga baja dan racun serangga kerana pada umumnya harga barangan tersebut

ditentukan oleh faktor bekalan dan permintaan di pasaran bebas.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan apakah kriteria-kriteria yang diambil kira oleh pihak Kementerian Yang Berhormat untuk satu barang itu boleh disenaraikan sebagai barang yang dikawal harganya? Dan daripada jawapan tadi jelas menunjukkan racun dan baja ini tidak disenaraikan sebagai barang kawalan. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa harga baja dan racun ini tidak dinaikkan sesuka hati?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian kedua, seperti saya jelaskan tadi kita mengimport keperluan baja dan racun negara, dan oleh kerana itu, harga adalah ditentukan oleh pihak pasaran antarabangsa. Maka kita tidak boleh mengawal harga.

Bahagian pertama, mengenai barang-barang yang dikawal dari segi harga adalah barang-barang yang dianggap sebagai perlu bagi golongan berpendapatan rendah. Buat masa sekarang kerajaan mengawal harga beberapa barangan keperluan asas, seperti gula, tepung, beras, roti, ayam, simen dan juga barang-barang petroleum. Maka kalau ada barang-barang yang dianggapkan keperluan asas, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah, pihak kerajaan akan menimbang barang-barang itu.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti diketahui di Malaysia ramai orang-orang India, terutamanya perempuan-perempuan India selalu minum racun serangga, [*Ketawa*] oleh kerana isu sosial. Jadi, saya pohon penjelasan apakah rancangan kerajaan untuk, dengan izin, to control racun serangga ini daripada senang dapat oleh orang-orang....

Seorang Ahli: Bagi free!

Tuan M. Kulasegaran:senang diperolehi oleh orang-orang yang meninggal dunia ini?

Seorang Ahli: Ada duit boleh dapatlah!

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab pada soalan asal, barang racun serangga ini buat masa sekarang pun adalah diisytiharkan sebagai barang kawalan sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, oleh kerana kerajaan bercadang untuk mengawal bekalannya dan untuk menentukan bahawa bekalan itu adalah diperolehi dengan beberapa syarat yang patut dipatuhi oleh kedai-kedai runcit ataupun tempat-tempat yang mempunyai racun serangga.

Yang kedua, racun serangga kalau senang diperolehi, tetapi hanya diminum oleh kaum India, ini bukan sebab fasal senang diperolehi, tetapi attitude dan juga masalah-masalah sosial yang lain yang perlu ditangani oleh semua pihak yang terlibat.

LESEN PEMBORONG GETAH - JUMLAH YANG DIKELUARKAN DAN JUMLAH YANG DIMILIKI OLEH BUMIPUTERA

13. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyakkah lesen pemborong getah telah dikeluarkan dan berapa pula yang dimiliki oleh bumiputera. Sila nyatakan pembahagian ini mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (LPPGM) tidak ada mengeluarkan lesen pemborong getah. Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai ialah lesen berniaga getah. Setakat bulan Jun 1997 LPPGN telah mengeluarkan 3,005 lesen berniaga getah, dan dari jumlah ini 1,432 lesen dikeluarkan kepada peniaga bumiputera dan 1,573 kepada peniaga bukan bumiputera. Pembahagian lesen berniaga getah yang dikeluarkan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

| | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Jumlah |
|----------------|--------------|------------------|--------------|
| Terengganu | 89 | 22 | 111 |
| Kelantan | 222 | 57 | 279 |
| Perlis | 12 | 6 | 18 |
| Kedah | 306 | 167 | 473 |
| Pulau Pinang | 3 | 61 | 64 |
| Johor | 111 | 296 | 377 |
| NS | 146 | 223 | 369 |
| Melaka | 50 | 106 | 156 |
| Pahang | 263 | 211 | 474 |
| Perak | 206 | 247 | 453 |
| WP & | - 24 | 207 | 231 |
| Selangor | | | |
| Jumlah: | 1,342 | 1,573 | 3,005 |

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan Thailand telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal penurunan harga getah di negara

tersebut. Beberapa langkah yang positif telah diambil oleh Kerajaan Thailand. Apakah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian atau pihak kerajaan dalam menangani hal ini di negara kita? Apa yang saya nampak tidak buat apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan ini agak terkeluar dari soalan asal.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh jawab bila-bila masa. *[Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 3,005 lesen yang telah dikeluarkan, saya ingin bertanya berapakah pemilik lesen yang telah menyalahgunakan lesen-lesen berkenaan seperti menyewakan kepada orang lain yang tidak dioperasikan secara sendiri dan kalau ada, berapakah yang telah disewakan sama ada milik bumi kepada bukan bumi ataupun bukan bumi kepada bumi dan adakah kutipan compound ataupun saman yang telah dikeluarkan dan jumlahnya kalau boleh diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk mendapatkan lesen berniaga getah ini tidak susah, jadi, ia tidak membangkitkan soal lesen itu dialibabkan ataupun tidak, kerana sepertimana kita semua sedia maklum iaitu syarat-syarat yang dikenakan ini adalah syarat-syarat yang mudah diperolehi oleh sesiapa sahaja yang berminat untuk mendapat lesen dan kita tidak mempunyai had kepada berapa orang ataupun berapa syarikat yang hendak diberikan kepada mereka ini.

Oleh kerana itu, tidak berbangkit soal penyalahgunaan lesen yang diberikan kepada mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria, kita beri dia chance sedikit, apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kerajaan ketika meluluskan lesen kepada pemborong-pemborong getah ini memandangkan pada masa ini industri getah memang mengalami masalah, sebab setiap tahun kita perlukan 400,000 tan dan tahun depan dijangkakan kita perlukan 440,000 tan dan kita sangat kekurangan getah di negara ini kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk kos pengeluaran yang tinggi dan kekurangan tenaga buruh dan produktiviti yang lebih rendah di sektor pekebun kecil berbanding dengan sektor estet dan juga harga yang tidak menentu.

Apakah pertimbangan yang dibuat oleh pihak kementerian supaya kita boleh keluarkan lesen secocok dengan produktiviti kita, kalau tidak cukup getah, kita keluarkan lebih banyak lesen pun tidak guna juga kerana tidak ada getah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan buat ucapan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Soalan, soalan! Merapu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu. Apakah kriteria, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu

Seorang Ahli: Buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan itu saya rasa cukup jelas.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah? Tetapi ada yang tidak faham lagi.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada yang tidak faham, saya nampak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia mana faham getah, di Kepong dalam bandar. *[Ketawa]*

Sebenarnya, soalan Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan syarat-syarat yang ditentukan untuk mendapatkan lesen, sebenarnya ia tidak ada kaitan dengan pengeluaran getah, orang diberikan lesen ini ialah untuk membeli getah, jadi, kalau soal dibangkitkan, keperluan kita pada satu tahun sekian-sekian ribu tan, maka ia langsung tidak ada kaitan dengan syarat-syarat yang dikenakan untuk mereka yang hendak berniaga getah. Yang penting ialah pengeluaran getah.

Kita perlu dalam 450,000 tan setahun untuk keperluan domestik tetapi kita keluarkan 1 juta tan lebih setahun bermakna kapasiti kita mencukupi untuk penggunaan domestik untuk getah ini.

Jadi, Ahli Yang Berhormat tidak usah bimbanglah ya, masih lagi di tahap yang okay.

KOSRAWATAN PERUBATAN - BANTUAN KEPADA PESAKIT YANG BERPENDAPATAN RENDAH

14. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar rungutan mereka yang berpendapatan rendah mengenai bayaran rawatan perubatan yang dikenakan oleh hospital swasta sangat tinggi dan mahal,

menyebabkan pesakit-pesakit menghadapi kesulitan bagi mendapatkan rawatan terutama mereka yang menghadapi penyakit serius dan memerlukan rawatan segera. Oleh itu apakah langkah-langkah yang akan dan sedang diambil oleh kementerian bagi membantu pesakit-pesakit dari kalangan berpendapatan rendah itu.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar dan sentiasa peka terhadap masalah yang mungkin dihadapi oleh masyarakat terhadap bayaran rawatan perubatan yang dikenakan oleh hospital swasta. Di samping itu, kementerian juga berusaha untuk mengawal kos rawatan perubatan yang dikenakan oleh pihak swasta daripada kenaikan yang keterlaluan.

Sehubungan itu kementerian sentiasa menasihati dan menyarankan agar hospital-hospital swasta supaya tidak mementingkan keuntungan semata-mata, mereka juga telah diseru untuk memperuntukkan sumbangan tertentu untuk golongan kurang mampu sebagai sumbangan khidmat sosial mereka kepada masyarakat agar perkhidmatan yang disediakan boleh dinikmati oleh sebahagian besar penduduk negara ini.

Dari segi yuran perubatan, hospital-hospital swasta boleh mengikuti jadual fee yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia sebagai panduan. Walau bagaimanapun, kos rawatan perubatan ini tergantung kepada perkhidmatan yang diberikan oleh hospital-hospital tersebut.

Sebarang pengurangan atau potongan kos adalah ditentukan oleh pihak hospital sendiri. Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan sedang menimbang cara untuk mengawal bayaran fee rawatan perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu lebih tepat tentang kawalan atau sekatan bayaran rawatan hospital swasta dan nyatakan satu atau dua hospital yang telah pun dikawal bayaran rawatan mereka.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan bahawa kita tidak ada pengawalan secara terus kerana yang dilakukan adalah saranan, teguran untuk memberi ingatan kepada para hospital swasta supaya dapat memberi pertimbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Setakat ini yang ada hanyalah garis panduan dalam bentuk Fee Schedule di mana ia boleh dibuat rujukan. Namun demikian, kita akan menggantikan Akta Hospital Swasta dengan Akta Fasilitas dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1997 yang dicadangkan akan dibentangkan pada tahun 1997 ini dan dalam akta ini akan ada peruntukan di mana menteri boleh membuat peraturan berkaitan dengan yuran bayaran.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah penyakit yang hanya boleh dirawat di hospital swasta? Ataupun di hospital kerajaan pun boleh dirawat tetapi siapa yang ada duit lebih ini dia hendak rawatan yang lebih baik, dia pergi ke hospital swasta, itu yang sepatutnya. Ini yang miskin pun hendak pergi ke hospital swasta ini, buat apa? *[Ketawa]*

Jadi, saya ingin tahu, ada atau tidak penyakit-penyakit tertentu yang terpaksa pergi ke hospital swasta ataupun penyakit di mana-mana hospital pun boleh dirawat tetapi kalau ada duit lebih, dia tak mahu sibuk dengan orang ramai, dia pergi ke hospital swasta, saya ingin tahu itu. Faham atau tidak soalan? *[Ketawa]*

Kalau tidak faham saya hendak tanya yang lain. Saya ingin tahu, ada atau tidak penyakit-penyakit tertentu yang hanya boleh dirawat di hospital swasta, sebab yang disibukkan oleh Seputeh tadi, orang miskin pun hendak pergi hospital swasta, yang saya tahu ini

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tak ada, tak ada! Ini tidak kena mengena dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan

Tuan Liew Ah Kim: *[Menyampuk]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang saya tahu, kalau sudah tak ada duit, pergilah hospital kerajaan. Kalau

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan penyakit yang menyulitkan. *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hai, sat lagi kita bertengkar di luar. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini yang selalu dibangkitkan, mestilah bergantung kepada soal

kerjasama dari segi pihak swasta yang harus membuat pendekatan pertengahan yang berimbang antara keuntungan dan tanggungjawab sosial iaitu menentukan kos perkhidmatan yang bergantung kepada supply, demand dan kumpulan sasar.

Jadi, bagi pihak pesakit pula, pilihan itu merupakan perkara yang utama. Jadi, kalau tak mampu pergi kepada hospital kerajaan sahaja, tak payah cari hospital swasta.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERWIBAWA - PEMBERIAN KEUTAMAAN OLEH KERAJAAN

15. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat pemborong bumiputera yang terpilih sebagai "kontraktor Wibawa" Kelas B,C,D,E atau F bergabung dan menggunakan keupayaannya sebagai kontraktor kelas "A".

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan memberi tumpuan yang sama kepada semua kontraktor yang telah terpilih menyertai program Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa.

Bagi kontraktor kelas pertengahan dan kelas rendah iaitu Kelas B hingga Kelas F, Kementerian Kewangan tidak bercadang menawarkan kontrak kerja nilainya yang melebihi had kewangan yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sama ada secara persendirian ataupun secara bergabung.

Walau bagaimanapun, bagi projek tertentu yang dicadangkan untuk pelaksanaan oleh lebih daripada satu kontraktor iaitu sama ada secara bergabung atau secara usahasama, seorang kontraktor kelas kesesuaian dengan kos projek boleh dilantik bersama satu atau lebih kontraktor kelas yang sama atau kelas yang lebih rendah.

Peraturan ini dilaksanakan selaras dengan pemantapan had kewangan yang boleh ditawarkan kepada kontraktor mengikut kelas pendaftaran CIDB dan PKK dan garis panduan pelaksanaan program Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kriteia-kriteria yang digunakan untuk

hendak menentukan bahawa satu-satu kontraktor itu dapat diiktiraf sebagai kontraktor yang berwibawa dan apakah strategi-strategi yang digunakan oleh pihak kementerian untuk meramaikan golongan usahawan bumiputera di dalam masalah untuk hendak meningkatkan bilangan golongan bumiputera pertengahan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk seseorang itu dibolehkan masuk dalam senarai Kontraktor Berwibawa, pertamanya, ia hendaklah mempunyai sijil kelulusan PKK, maknanya kalau misalnya seseorang itu walaupun dia kontraktor Kelas A ataupun Kelas B, BX dan sebagainya tetapi kalau dia tidak menghadiri kursus PKK dan tidak dapat sijil, dia tidak boleh disenaraikan dalam Kontraktor Berwibawa, seperti juga macam orang-orang Islam jugalah, kalau dia hafiz sekalipun dia mesti masuk kursus, selepas kursus baru boleh kahwin. *[Ketawa]*

Dan satu lagi ialah mempunyai track record selama tiga tahun, dia menjalankan kerja dan dia boleh membuat kerja dengan bagus dan dia juga tidak ada mempunyai projek-projek yang sakit.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kita untuk menyuburkan kontraktor berwibawa ini, pertamanya, kita akan memberi tender terhad (restricted tender) ataupun tender secara terus kepada mereka, dan keduanya, kita akan memberikan kontrak-kontrak yang berterusan supaya mereka daripada 'tidak ada bulu dan tidak boleh berkepak' boleh dia berkepak dan sebagainya dan apabila mereka telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) barulah mereka terkeluar daripada senarai kita.

Yang ketiganya, kontraktor-kontraktor berwibawa yang kita beri projek, dia hendaklah pula membimbing kontraktor-kontraktor yang kelas rendah ini supaya dapat mengadakan 'transfer of technology'. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan. Saya tertarik dengan mula-mula tak ada bulu, lepas itu ada bulu, dia dapat kepak pula *[Ketawa]* saya takut ada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berwibawa ini dia terlampau berat sangat dia punya bulu sehingga dia tidak boleh buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen sama ada kementerian sedar ataupun tidak, ramai di antara kontraktor berwibawa ini mendapat begitu

banyak sekali kontrak sehinggakan mereka tidak dapat melaksanakan kontrakt-kontrakt tersebut dengan sempurna.

Saya ada dua, tiga kes di mana pihak JKR berunding dengan kontraktor berwibawa ini tetapi tidak dapat dilaksanakan dan ini melambatkan projek-projek yang hendak diberikan kepada kontraktor-kontraktor tersebut, terlampau banyak sehinggakan terbengkalai projek pun ada. Adakah kementerian sedar dan apakah tindakan kementerian terhadap kontraktor-kontraktor ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan ialah yang pertama, kita ada senarai, selepas itu kita akan agih-agihkan kontrak-kontrak itu kepada senarai yang berkenaan.

Jadi, kerja-kerja kontrak itu akan diberi kepada satu kontraktor kepada satu kontraktor. Dan lagi ada juga kontraktor-kontraktor yang dapat peruntukan ataupun projek yang terlalu besar untuk dia mengendalikannya, supaya dia bergabung secara usahasama ataupun seorang kontraktor Kelas A misalnya, dia bergabung dengan Kelas A lain atau seorang kontraktor Kelas A dia bergabung dengan Kelas BX dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya gabungan ini dapat mereka menjalankan projek yang besar itu. Apa yang berlaku sekarang ini kemungkinan agaknya mereka mengendalikannya projek itu bersendirian sahaja, ini permasalahan yang sedang kita hadapi.

Walau bagaimanapun, apa yang kita ketahui sekarang ini, beberapa senarai nama kontraktor berwibawa telah pun dipotong kerana kerja kontrak itu tidak dijalankan 100% oleh kaum bumiputera.

RAMALAN KAJI CUACA - PENINGKATAN KEMUDAHAN

16. Tuan Hoo-Seong Chang [Kluang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan kemudahan di pusat ramalan kaji cuaca di negara kita supaya ia memberi ramalan kaji cuaca yang lebih tepat. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan dan berapakah kos yang akan dibelanjakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia memang mempunyai rancangan di bawah

Rancangan Malaysia Ketujuh untuk meningkatkan keupayaan ramalan kaji cuacanya.

Rancangan-rancangan ini melibatkan projek-projek utama seperti berikut:-

- (i) Projek telekomputerisasi yang menghubungkan terus di antara pejabat-pejabat dan sistem-sistem kaji cuaca dengan Ibu Pejabat Kaji Cuaca Malaysia melalui rangkaian komputer untuk mempercepatkan sebaran data-data dan maklumat-maklumat;
- (ii) mempertingkatkan sistem-sistem penerimaan gambar-gambar satelit cuaca di Ibu Pejabat Kaji Cuaca Sabah dan Sarawak supaya dapat menerima maklumat tambahan dengan lebih tepat;
- (iii) mewujudkan sistem integrasi di antara radar-radar amaran ribut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi mengeluarkan amaran yang lebih tepat dan terperinci;
- (iv) mempertingkatkan kemudahan komputer yang sedia ada untuk membantu melicinkan dan mempercepatkan aktiviti-aktiviti ramalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah kos perbelanjaan bagi melaksanakan projek-projek tersebut ialah RM28 juta. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah rancangan yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mempertingkatkan kerjasama dan juga rundingan dengan Jabatan Kaji Cuaca negara-negara maju supaya kita dapat nasihat ataupun maklumat daripada mereka dengan lebih mendalam dan terperinci supaya apa yang berlaku di Sabah di mana masalah banjir berlaku, sungguhpun ada amaran dikeluarkan dalam CNN tetapi nampaknya tidak diperhatikan oleh Jabatan Kaji Cuaca negara kita tidak berulang lagi? Dan juga sejauh manakah pihak Jabatan Kaji Cuaca negara kita bersedia, kalau kesan 'El Nino' berulang lagi? Sekian.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita ada, di peringkat APEC Ministerial Conference fasal kaji cuaca pernah diadakan di Switzerland dan banyak lagi mesyuarat diadakan, tempat-tempatnya forum yang dibuat perbincangan-perbincangan menukar data-data, mendapat informasi-informasi dari negara-negara maju tetapi soal kena ribut begitu, begini, ini barangkali ada kalanya kita pun terperangkap dalam satu keadaan

yang tidak dijangka. Kalau kita tengok geografi negara kita Malaysia memang terlindung, terlindung dengan tanah-tanah besar lain - Indonesia dan Filipina - tetapi apabila dilanda macam ini, ini benda yang tidak dijangka. Ini, Allah sahaja yang tahu. Sekian. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ramalan kaji cuaca yang dikeluarkan atau diberi oleh Pusat Ramalan Kaji Cuaca melalui televisyen atau radio adalah tepat (accurate). Jika tidak tepat apakah sebab-sebabnya, sama ada, ada kemungkinan bahawa ini adalah kerja bomoh *[Ketawa]* atau orang-orang lain dan pernahkah kementerian Yang Berhormat menjalankan kajian atau mengadakan satu sistem monitoring untuk memastikan accuracy ramalan kaji cuaca itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kaji cuaca inilah yang kita dok dengar dalam berita hujan sana sini *[Ketawa]* dijangka ini, ini tetapi kebanyakan tepat ada yang sedikit-sedikit tidak tepat itu ada. *[Ketawa]* Sebenarnya kalau pakai bomoh itu, saya pun kurang percaya juga pakai-pakai bomoh ini. Ini perkara tidak tahu ini, perubahan dunia ini begitu nyata sekaranglah dengan perkara-perkara yang berlaku hari ini. Sepatutnya panas, hujan; sepatutnya hujan, ia panas; inilah perubahannya. Itulah kita hendak menambahkan alatan-alatan yang canggih memerlukan peruntukan yang besar. Kita jangkakan, insya-Allah satu masa, ia punya tepat tidak tepat itu, wallah huallah tetapi hampir-hampir tepatlah seratus peratus. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

[Soalan No. 17 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) tidak hadir]

KAPAL TERBANG BARU MAS B 777 - PEMBELIAN

18. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berapa buah kapal terbang baru MAS 777 yang dibeli dan harganya; dan
- (b) berapa buakkah yang dilengkapi dengan bilik sembahyang sebagaimana yang saya cadangkan di Parlimen pada tahun 1988.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penerbangan Malaysia MAS telah membeli sebanyak 15 buah pesawat baru Boeing 777 dengan harga US\$140 juta bagi sebuah pesawat.
- (b) Kesemua pesawat baru B 777 yang dibeli tersebut adalah dilengkapi dengan ruang solat untuk para penumpang yang beragama Islam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,17, 19 hingga 94 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997 TAMBAHAN (1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang

pertama 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut." [21 Julai 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Balik Pulau diminta sambung.

3.36 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Petang semalam saya sudah pun berada di penghujung ucapan saya dan pada ketika saya berhenti saya tengah menyentuh sedikit tentang pengkorporatan universiti khususnya cadangan pengkorporatan Universiti Malaya dan saya berpendapat walaupun gaji adalah satu daripada persoalan pokok di dalam usaha pengkorporatan ini, usaha keseluruhan pengkorporatan universiti-universiti awam ini tidaklah sepatutnya diwarnakan keseluruhannya bertunjangkan kepada soal gaji sahaja.

Kita difahamkan bahawa usaha pengkorporatan ini adalah perlu kerana ianya akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan pengurusan pentadbiran universiti dengan membolehkan ianya dikeluarkan daripada kekangan peraturan Jabatan Perkhidmatan Awam dari segi pentadbiran dan juga dari segi peraturan kewangannya dan sekali gus menyumbang kepada peningkatan mutu institusi-institusi pengajian tinggi ini.

Saya berfikir bahawa sama ada ia dikorporatkan ataupun tidak, peranan fakulti, peranan institusi itu tidak akan berubah, mungkin tuntutan ke atas institusi itu makin meningkat tetapi peranan fakulti dan peranan universiti tidak berubah dengan pengkorporatan. Yang kita tahu apabila ada pengkorporatan dengan kurangnya sokongan daripada sektor awam, maka pentadbiran universiti terpaksa memikirkan cara-cara lain untuk membiayai perjalanan universiti tetapi janganlah kita - dalam pada kita memberi takrif kepada pengkorporatan ini, kita sekadar melihat kepada soal gaji dan juga kita menjadikan seolah-olah usaha pengkorporatan ini adalah satu usaha untuk menukar sekali gus peranan fakulti dan juga objektif institusi pengajian tinggi itu sendiri.

Gaji adalah penting tetapi seperti yang saya kata semalam daripada apa yang kita tahu yang diumumkan tentang Universiti Malaya itu,

pengubahsuaian ekoran daripada pengkorporatan daripada segi gaji adalah bagi saya tidak berapa imaginatif, tidak ada perubahan yang 'conceptual' yang dicadangkan, tidak nampak bahawa peluang untuk pengkorporatan ini digunakan untuk merubah secara yang konseptual dan keseluruhan konsep perkhidmatan kepada universiti.

Apa yang dicadangkan hanyalah semata-mata satu skala transformation yang linear, yang mengekalkan struktur dan konsep asal, tinggal lagi dinaikkan secara berskala sahaja. Saya katakan bahawa linearity dalam konsep ini masih dikekalkan dan ini tidak berapa menunjukkan bahawa kita menggunakan kesempatan dalam usaha pengkorporatan ini akan melihat semula keseluruhan konsep perkhidmatan kakitangan akademik, khususnya. Saya juga katakan bahawa kalau seperti yang dicadangkan itu, ianya tidak menyelesaikan satu masalah besar dalam universiti iaitu universiti berusaha untuk menarik mereka yang berkelayakan untuk memasuki perkhidmatan akademik dengan gaji permulaan, walaupun dinaikkan tetapi pada kadar yang dicadangkan, ianya tidak mungkin lagi dapat menarik mereka yang berbakat dan berkelulusan untuk memasuki career ini tetapi peningkatan gaji kuantum yang tinggi kepada profesor mungkin menyeronokkan segala profesor ini tetapi itu bukanlah menyelesaikan masalah kita kerana masalah kita bukan soal alteration sangat pada peringkat hujung tetapi kemampuan kita untuk menarik orang masuk di peringkat yang awal sekali.

Lebih daripada itu kita juga harus sedar ganjaran dalam bentuk gaji bukanlah keseluruhannya menjadi ukuran kepada - apa orang kata - kepuasan kerja kakitangan akademik ini. Ada banyak perkara lain yang secara kolektifnya akan menyumbang kepada kepuasan kerja dalam tempat kerja masing-masing. Soal sama ada mereka dibawa untuk dirujuk, dibincang dalam hal-hal yang bersangkutan dengan pembangunan akademik adalah soal yang penting bagi kakitangan akademik supaya suara mereka didengar dan mereka merasakan bahawa mereka adalah nilai dalam pada menentukan pentadbiran pengurusan universiti dalam soal-soal akademik. Soal pentadbiran yang umum memang mereka hendak masuk campur tetapi soal tentang program-program pengajian, tentang peperiksaan, tentang penganugerahan ijazah-ijazah, ijazah kehormat dan sebagainya. Maka, suara-suara kakitangan akademik ini hendaklah didengar dan ini merupakan satu daripada faktor yang akan menyumbang kepada peningkatan kepuasan pekerja mereka dan inilah antara perkara-perkara yang sebenarnya dirintihkan

oleh kakitangan akademik ini dan saya berharap semoga apabila kita mengoperasikan konsep pengkorporatan universiti ini kita berikan sedikit perhatian kepada perkara-perkara ini kerana kita hendaklah jaga self-esteem kita.

Macam saya dok merungut minggu lepas pun tentang kedudukan Dewan Rakyat ini, kita sebagai Ahli Parlimen, ia sebenarnya menyentuh soal self-esteem, kita selaku Ahli Dewan, kita rasa bahawa kurang berpuas hati kerana cara institusi ini berfungsi dan cara peranan kita dalam institusi ini kurang memberi kita kepuasan. Jadi, dalam universiti pun serupa macam itu juga. Dalam mana-mana organisasi, mana-mana entiti, soal kepuasan itu bukan semata-mata disandarkan kepada gaji tetapi ada persoalan-persoalan lain yang perlu diambil kira.

Akhirnya saya ingin menyarankan supaya kita memberi perhatian juga kepada pembangunan masyarakat akademik ini sendiri. Kadang-kadang dalam keadaan sekarang ini, apabila kita memerlukan begitu banyak expatriate dalam dunia akademik ini dan kita lihat treatment yang diberi kepada expatriate yang setanding dengan satu orang yang memang orang tempatan adalah berbeza dan ini satu lagi faktor yang tidak menyumbang kepada kepuasan kerja kakitangan-kakitangan akademik yang ada sekarang. Apa orang kata, treatment yang, differential discriminatory treatment - perbezaan treatment di antara kakitangan akademik yang dibawa daripada luar dengan kakitangan akademik yang kita ada sendiri dalam negara kita.

Kita sebenarnya mempunyai - walaupun tidak cukup - satu masyarakat akademik yang boleh kita banggakan dan boleh kita pupukkan dan saya rasakan bahawa selain daripada peranan mereka dalam pengajaran dan juga sedikit sebanyak dalam research dan penyelidikan, peranan mereka dalam menyumbang pendapat khususnya dalam dasar-dasar umum, dasar-dasar awam dalam hal-hal yang bersangkutan dengan isu-isu semasa adalah begitu terhad. Kadang-kadang kita lebih gemar untuk ambil retain satu-satu konsultan daripada luar negara untuk kita dapatkan pendapat yang tertentu daripada kita membangunkan core group saintis kita yang academician kita sendiri. Ini menunjukkan satu sikap inferiority complex yang saya rasa patut dikikis dan kita juga harus mula tidak membezakan antara pakar-pakar daripada luar negeri dan juga pakar-pakar daripada dalam negeri.

Misalnya di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, kita mempunyai kepakaran tempatan keseluruhannya untuk mewujudkan pusat racun

negara, satu-satunya pusat racun di negara kita ini dan daripada kelompok asal pusat racun negara itu ianya boleh bergerak membolehkan USM juga mewujudkan pusat doping centre yang bakal dijadikan doping centre untuk Sukan Komanwel. Jadi, ini semua walaupun dalam bidang-bidang yang agak esoterik ini, kita mempunyai kemampuan dan kita harus memberi perhatian kepada soal-soal yang sedemikian.

Akhirnya, hendaklah juga selain daripada soal gaji, kepuasan bekerja tadi, berilah sedikit kebebasan kepada kakitangan akademik ini untuk bertindak di luar sedikit daripada norma-norma yang biasa. Kita harus sedar bahawa dalam proses pembentukan ilmu ianya tercetus daripada kita mempersoalkan status quo. Jika semua ahli sains dalam sejarah manusia tidak mempersoalkan status quo, tidak bertanya apa yang tidak betul, bagaimana kita hendak memperbetulkannya, maka tidak akan terjadi apa-apa inovasi ataupun pembaharuan. Jadi, tidak ada institusi lain yang berperanan sedemikian rupa selain daripada institut pengajian tinggi, maka kita harus memberi ruang yang tersebut kepada masyarakat akademik untuk mempunyai kebebasan yang lebih sedikit kerana ianya menyumbang kepada satu pembentukan persekitaran yang memungkinkan inovasi berlaku. Kita faham bahawa kebebasan yang terlalu umum akan menimbulkan huru-hara, tetapi kenalah ada keseimbangan di antara kita hendak jaga ketenteraman dan juga kita hendak mewujudkan satu persekitaran yang memungkinkan kemunculan pemikiran-pemikiran yang baru, kemunculan innovation, kemunculan benda-benda yang kreatif.

Jadi, itulah antara rintihan saya. Pertamanya, tentang soal Bank Negara Malaysia dan soal pertukaran asing. Yang keduanya, tentang struktur organisasi industri dalam negara kita, dan akhirnya soal tentang pengkorporatan universiti.

Dengan kata-kata tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

[5 Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Walaupun masih terdapat beberapa orang ahli yang tunjuk minat hendak ambil bahagian dalam perbahasan ini, tetapi oleh kerana kesuntukan masa dan sedia maklum perbahasan dasar hanya dihadkan kepada satu hari sahaja, jadi saya terpaksa minta kementerian yang berkenaan untuk menjawab. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tunjuk minat hendak berbahas, boleh berbuat demikian kemudian dalam peringkat Jawatankuasa.

Sila.

3.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997. Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian di antaranya Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Gelang Patah, Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yang Berhormat dari Kota Melaka dan akhir sekali Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelutong dijawab di peringkat Jawatankuasa kerana ini akan juga diserangkaikan dengan Akta Rasuah yang akan kita bentangkan. Jadi, nampaknya kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah mendahului akta yang hendak dibentangkan. Dan saya telah berbincang dengan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beliau telah bersetuju untuk menerangkan perkara-perkara berikut di peringkat Jawatankuasa mengenai akta tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong telah pun menyatakan mengenai banyaknya hutan yang telah ditebang di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang. Adalah dimaklumkan bahawa yang ditebang itu ialah merupakan tempat-tempat yang perlu kita bersihkan untuk membuat pembinaan bangunan dan juga tempat letak kereta. Tetapi saya mengatakan di sini bahawa dasar padang kapal terbang di dalam hutan ataupun airport in the forest itu masih kekal dan kita akan menjamin supaya keadaan sekeliling itu akan lebih menarik. Kerja-kerja ini akan dilakukan oleh FRIM.

Beliau juga meminta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengemukakan pindaan ke atas undang-undang yang mendiskriminasi kaum wanita seperti Akta Pembahagian dan Akta Penjagaan Budak-budak ataupun Infant. Guardianship Act. Cadangan pindaan ke atas peruntukan-peruntukan yang mendiskriminasi kaum wanita dalam Akta Pembahagian telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengemukakan undang-undang pindaan ini ke Parlimen tidak berapa lama lagi. Tindakan sedang diambil untuk mencadangkan pindaan ke atas peruntukan di dalam Akta Penjagaan

Budak-budak dan juga Akta Pembahagian ataupun Distribution Act dan Akta Penjagaan Budak-budak ini akan ditadbirkan oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Tindakan untuk meminda kedua-dua akta adalah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Jadi, HAWA hanya terlibat dari segi menimbulkan kesedaran akan perlunya akta ini dipinda dan ada unsur-unsur diskriminasi dalam pindaan akta tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah menanyakan bila agaknya LRT di Kuala Lumpur dapat diselesaikan. Bagi sistem kedua LRT yang dijalankan oleh Syarikat Putra, Fasa I dari Subang Depo ke Pasar Seni akan siap bulan Julai 1998. Bagi Fasa II, Pasar Seni ke Gombak bulan Jun 1999. Bagi sistem pertama oleh Syarikat Star, Fasa I telah siap dan Fasa II ke Bukit Jalil akan siap pertengahan tahun hadapan. Manakala sistem Monorel, Fasa I daripada Depo Jalan Tun Razak ke Brickfield akan disiapkan menjelang Sukan Komanwel nanti.

Mengenai lintasan keretapi yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu lintasan keretapi yang menjadi masalah kepada orang awam. Kementerian Pengangkutan mempunyai projek dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan sebanyak RM29 juta bagi menggantikan lintasan rata dengan lintasan bertingkat, sepertimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, enam kawasan yang dikenal pasti ialah Bukit Mertajam, Nibong Tebal, Padang Rengas, Gemas, Bahau, Buloh Kasap dan Bukit Siput. Jadi, dengan adanya nanti jejambat dan jambatan yang merentasi kawasan rata ini, kita berharap tidak ada lagi accident yang berlaku.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.....eh, Tuan Yang di-Pertua lagi, bukan Jawatankuasa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Belum lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum lagi ya. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita ada lebih 100 lintasan rata, mungkin 150 tetapi dia hanya pilih 6 tempat sahaja untuk diwujudkan persimpangan bertingkat. Macam mana kita dapat menyelesaikan masalah ini kerana 6 kawasan sahaja akan diselesaikan, tinggal yang bakinya tidak dapat, termasuk di Taiping juga, saya tidak nampak ada di Taiping. Bolehkah Yang

Berhormat menerangkan macam mana dengan peruntukan RM27 juta ini dapat menyelesaikan masalah lintasan ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, seperti yang dijawab oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini, kalau dapat kita sama-sama mencari jalan. Pertamanya, dari segi pengangkutan kita ada kempen Keselamatan Jalan Raya dan kita harapkan kempen itu memberi kesedaran kepada orang ramai. Apa yang berlaku sekarang ini ialah apabila signal itu sudah dipasang dan dibunyikan siren menandakan keretapi sampai, mereka masih lagi mahu lalu di bawah palang itu, ini masalahnya. Tetapi dengan adanya kerjasama untuk menjayakan kempen Keselamatan Jalan Raya daripada orang ramai, kita berharap masalah ini boleh diselesaikan, oleh itu, kita akan pergi berdikit-dikit, Yang Berhormat.

Mengenai Yang Berhormat dari Gelang Patah yang telah mengesyorkan supaya kita mengadakan incinerator daripada landfill, suka saya menyatakan di sini bahawa pelupusan pepejal secara landfill belum lagi menukar kaedah pelupusan sisa pepejal kepada sistem incinerator kerana sepertimana Yang Berhormat katakan dahulu bahawa incinerator itu mahal. Walau bagaimanapun, pulau-pulau terlibat yang telah kita cuba dengan incinerator ini ialah Pulau Langkawi dua unit, Pulau Labuan dua unit, Pulau Pangkor satu unit, Pulau Tioman dua unit. Jadi, kos bagi pelaksanaan projek tersebut menelan belanja sebanyak RM17 juta. Apa yang kita harapkan nanti sepertimana yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah, kita akan mengambil perhatian supaya perkara ini dapat dimaklumkan.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah pun meminta mengapa masalah setinggan di Sentul itu masih lagi terbiar. Langkah memindahkan setinggan di Sentul adalah satu usaha untuk membaiki keadaan perumahan setinggan yang tinggal di kawasan tersebut. Tanah tersebut adalah tanah kerajaan yang telah diswastakan dengan dikenakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah bagi menempatkan semula setinggan. Sebahagian daripada rumah-rumah kos rendah di tapak pertama telah siap dan sebahagian dari setinggan telah dipindahkan ke unit-unit tersebut tanpa masalah. Di tapak kedua terdapat 195 keluarga setinggan. Sejumlah 186 keluarga telah ditawarkan rumah dan 165 daripada mereka telah pun mengambil kunci. Rumah-rumah kos rendah yang disediakan berharga RM25,000 seunit dengan tiga bilik seluas 700 kaki persegi. Beberapa setinggan masih enggan

berpindah dan buat pelbagai desakan dan tuntutan walaupun rumah-rumah telah disediakan. Pemaju dan Badan Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun menyatakan kegusarannya tentang masalah rumah kos rendah. Syarat membina sejumlah rumah kos rendah yang dikenakan kepada pemaju diambil kira dalam kontrak pelaburan dan pembangunan yang dicadangkan. Kerajaan negeri perlu memberi pertimbangan wajar bagi menentukan rumah-rumah kos rendah disediakan, di samping tidak mengakibatkan kerugian kepada pemaju atau menghalang pembangunan. Di mana kos tidak mengizinkan pemaju melaksanakan rumah kos rendah, kerajaan negeri pula mencari jalan lain menyediakan rumah-rumah tersebut, termasuk dengan menggunakan sumbernya sendiri bagi memenuhi permintaan perumahan golongan tersebut. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun meminta kerajaan negeri memberi penjelasan bagi projek-projek yang dikecualikan dari pembinaan rumah kos rendah dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut. KL Central, Metacorp dan Mulpha di Melaka tidak mempunyai komponen rumah kos rendah dalam projek mereka. FACB membina 400 unit rumah kos rendah di Taman Kinrara dari 957 unit yang diluluskan. Jadi, nampaknya hasil daripada.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang masalah kegagalan atau pengecualian yang diberikan kepada pemaju-pemaju mega projek ini, contohnya KL Central ataupun Menara FACB. Mengapakah rumah kos rendah tidak boleh dibina berhampiran kawasan tersebut kerana kalau mereka tidak diwajibkan berbuat demikian, ini merupakan mewujudkan satu, dengan izin, segregation atau satu ghetto di mana hanya golongan kaya mampu tinggal di kawasan bandar raya sedangkan semua yang miskin terpaksa dihalau ke luar bandar. Saya rasa ini amat tidak adil kerana kita mengamalkan budaya Paris di mana Mayor of Paris pada masa itu dan sekarang Presiden Perancis bercakap dengan terus-terang hanya mereka yang kaya berhak dan berkemampuan duduk di kota. Adakah kita mahu mewujudkan keadaan sedemikian? Kalau kita tidak mewajibkan

mereka membina untuk projek besar, mega projek, membina rumah kos rendah sama ada di KL Sentral ataupun dalam kawasan Menara FACB kerana orang miskin pun hendak menikmati cuaca dan suasana di kota. Sekian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, saya tidak mahu memanjangkan perdebatan ini kerana tadi soalan yang sama telah pun ditanyakan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun menjawab bahawa di tempat-tempat yang kos harga tinggi, rumah murah tidak akan dibina tetapi di tempat yang lain akan dibina. Ini terpulanglah kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Sepertimana juga kegusaran Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menanyakan kepada ketua-ketua kerajaan, Menteri-menteri Besar di tiap-tiap negeri untuk menyatakan masalah-masalah yang telah sama-sama Yang Berhormat timbulkan. Saya telah juga membaca di akhbar Yang Berhormat telah berjumpa dengan satu pemaju dan telah pun diberi maklum bahawa ada rumah-rumah murah yang akan dibina. Dan saya rasa semalam Yang Berhormat telah pun menyatakan bahawa Yang Berhormat sendiri akan berjumpa Mulpha dan kita hendak tahu apa yang terjadi selepas itu nanti.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: We can agree to disagree tentang tempat di mana rumah kos rendah dibina. Tetapi kalau sesuatu mega projek yang dijalankan, rumah kos rendah dibina di tempat lain. Kalau pengecualian diberikan kepada mereka, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan. Kerana seperti Yang Berhormat sebut tadi, Metacorp, selepas desakan daripada pihak saya, berjanji untuk membina rumah kos rendah, kita memuji sikap tanggungjawab sosial mereka. Tetapi saya rasa usaha ini bukan hanya datang daripada pihak pembangkang. Ini adalah satu usaha sama oleh pihak parti pembangkang dan parti pemerintah, kerana ini adalah untuk kepentingan negara. Saya harap bahawa saya tidak mahu monopoli usaha memaksa pemaju projek mega membina rumah kos rendah. Saya rasa kalau kita boleh berganding bahu untuk memaksa pemaju projek berbuat demikian. Di sini, saya hendak tahu apakah tindakan yang akan diambil kalau mereka terus diberikan pengecualian, kerana saya takut mungkin timbul penyelewengan

ataupun 'duit teh', amalan rasuah yang berlaku yang membolehkan mereka mendapat pengecualian seperti demikian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Telah dibuat, Yang Berhormat, bahawa jika pemaju yang sama telah dikecualikan daripada membina rumah murah, dan apabila sesuatu projek mereka dapati pemaju yang sama, mereka hendaklah dimestikan supaya dapat membuat rumah murah, untuk menampung apa yang telah pun dilakukan sebelum itu.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tidak buat juga?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ini terpulang kepada kerajaan negeri. Saya minta nanti peraturan-peraturan yang kita cakapkan ini, seperti juga yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sesi pertama tadi akan dapat kita teruskan. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menanyakan masalah ini, kita tunggulah jawapan-jawapan daripada kerajaan negeri.

Terdapat rumah-rumah di Melaka yang mempunyai sekatan kepentingan melarang....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kerajaan sentiasa bercakap untuk menegakkan keadilan. Apa yang saya lihat dari segi permintaan, saya rasa permintaan itu di antara rumah mewah, rumah pertengahan dan harga rendah, saya rasa dari segi permintaan itu sama ada di kota ataupun di luar, maka saya rasa lebih banyak permintaan rumah harga murah. Dalam konteks ini, kenapa kerajaan seolah-olah perkara ini hanya melayan atau melihat sebelah mata sahaja? Itu yang tidak faham, ada double standard. Dari satu segi hendak menegakkan keadilan, dari satu segi hendak menindaskan orang yang sudah susah. Apakah ini menjadi dasar baru Kerajaan Barisan Nasional?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita telah pun menetapkan berapa ribu unit rumah murah yang akan dibina oleh kerajaan dan juga berapa ribu unit rumah murah atau berapa ribu rumah murah yang akan dibina oleh pihak swasta. Jadi, kita berharap sangat daripada perangkaan yang ada kita minta sangatlah pertamanya Kerajaan Negeri

Kelantan supaya dapat memberi tanah kepada kita untuk kita membuat rumah-rumah murah ini. Kebanyakannya saya rasakan masalah-masalah yang kita dapati apabila kita hendak buat projek-projek di Kelantan, tanah tidak kita dapati. Saya mintalah kerjasama Yang Berhormat supaya dapat membantu kita daripada peringkat Kerajaan Persekutuan dapat membina rumah murah di Kelantan dengan Kerajaan Kelantan menyediakan tapaknya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira banyak tanah yang diluluskan oleh pihak kerajaan tempatan di Kelantan bagi menyediakan untuk pembinaan rumah kos rendah ini tetapi ternyata sehingga sekarang wang yang dijanjikan itu belum sampai. Ini persoalannya. Apakah pada hari ini pihak kerajaan ataupun pihak kementerian boleh memberi jaminan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi bahawa Kerajaan Pusat akan terus membantu kerajaan negeri sekiranya kerajaan negeri dapat menyediakan tapak. Saya memberi jaminan pada hari ini, kerajaan negeri telah pun menyediakan banyak tapak dan akan menyediakan tapak berdasarkan kepada permintaan oleh pihak kementerian. Apakah pihak kerajaan sanggup melaksanakan janji yang telah dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat sekejap tadi? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memandangi dari segi Kementerian Kewangan yang menyalurkan peruntukan kepada kementerian-kementerian. Bagi kes Kementerian Belia dan Sukan untuk mengadakan pusat latihan di Kelantan, tetapi pusat latihan tidak dapat dibuat sampai sekarang kerana permasalahan antara kerajaan negeri dengan Kementerian Belia dan Sukan. Itu satu kes yang kita nampak. Begitu juga hendak mengadakan gelanggang rakan muda, tidak dapat kita hendak mengadakannya. Peruntukannya ada, tetapi tidak dapat kita bangunkan. Kalau begitu saya akan mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya peruntukan yang ada untuk Kerajaan Negeri Kelantan, kalau tidak dapat juga kebenaran daripada kerajaan negeri, kita pindah ke tempat lain, di mana kerajaan-kerajaan negeri lain yang sedia menerima peruntukan itu. Ini satu kes sahaja saya tengok. Ada banyak kes lagi yang boleh saya cakapkan satu persatu.

Mengenai peruntukan, kita akan beri peruntukan kepada Kerajaan Kelantan, tetapi dalam tempoh masa yang tertentu. Bila tempoh masa itu sampai, kita akan beri dalam tempoh masa itu. Cumanya kita hendakkan kalau boleh kerjasama daripada Kerajaan Negeri Kelantan, terutamanya sekarang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita hendakkan orang kita ini diberi kemahiran yang paling tinggi. Jadi, pusat-pusat latihan ini penting. Kita menyerulah, minta tolong Yang Berhormat beritahu Kerajaan Negeri Kelantan supaya dapat kita selesaikan masalah itu. Jadi, dapat kita mempertingkatkan kualiti kita dan dapat kita mengecilkan pendatang-pendatang asing sama ada yang sah ataupun yang tidak sah masuk ke negara kita untuk membantu ekonomi kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tumpat bangun, hendak berikah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terakhir. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa masalah tapak untuk membuat pusat latihan belia di Kelantan, saya rasa beberapa rundingan telah pun berlaku di antara kerajaan negeri dengan pihak kementerian. Persoalan sekarang ini bukan masalah membenar ataupun tidak. Masalah yang ada sekarang ialah masalah teknikal, masalah prasyarat dan syarat-syarat. Pertama, kita melihat pusat latihan belia ini untuk latihan - kita bimbang satu pusat latihan belia ini disalahgunakan. Bukannya yang dilatihkan rakyat Kelantan, tetapi yang dilatih di situ ialah kader-kader UMNO. Ini yang kita bimbangkan. Tidak ada persefahaman. Apakah pusat latihan belia itu nanti setelah wujud, apakah pihak kerajaan atau pihak kementerian boleh memberi jaminan kepada kami pada hari ini bahawa pusat latihan itu juga boleh digunakan oleh pihak kerajaan negeri di samping akan digunakan oleh pihak UMNO dan Barisan Nasional bagi melatihkan kader-kader ini ataupun kegiatan-kegiatan yang lain.

Begitu juga persoalan yang ditimbulkan oleh Setiausaha Parlimen kelmarin masalah pusat latihan belia dan pusat latihan sukan dan sebagainya. Kita terima pada dasarnya kedua-dua pusat ini. Tiga pusat pun kita sanggup terima. Tetapi syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan mestilah dipatuhi. Misalnya, dalam pembinaan kolam mandi, kita tidak mahu, kita minta supaya kolam mandi itu diadakan secara berasingan, perempuan,

perempuanlah; laki-laki, laki-lakilah. Jangan mandi dalam satu kolam. Ini yang kita tidak mahu, inilah syarat yang kita beri. [Ketawa] Saya rasa pihak kementerian, pihak Yang Berhormat faham sebab Yang Berhormat ini orang yang intelek saya kira, orang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dari segi agama dan juga dari segi ilmu-ilmu yang lain. Ini dibuat tak faham. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, mengenai kolam mandi misalnya, kalau kita buat sampai dua kolam, peruntukan lebih dan kos kita lebih. Apa yang kita boleh buat, kita beri hari berlainan untuk lelaki dan hari berlainan untuk perempuan. Jadi, kita menjimatkan masa dan kita mengikut syariah. Oleh itu, di sini dapat kita mempelbagaikan cara kita menjalankan tugas. Saya berharap sangatlah supaya dapat masalah teknikal yang diperkatakan itu dapat diselesaikan, dan kita berharap bahawa duit yang kita utukkan itu dapat dobe; amkalam di Kelantan, kerana kita berharap di Kelantan ramai bumiputera kita, kita hendakkan bumiputera kita meningkat dari segi kepakaran dan dapat menuju ke Wawasan 2020 yang kita cita-citakan.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah pun menyatakan masalah pertamanya masalah dasar kewangan, sama ada kita ada dasar atau tidak. Dasar kewangan memberi keutamaan kepada memastikan kestabilan di dalam pasaran wang dan pasaran pertukaran bagi menyediakan suasana perniagaan yang kondusif. Saya check kembali semalam dalam Laporan Tahunan Bank Negara 1996, laporan tahunan mengenai dasar kewangan, Bab 2, muka surat 79. Seperti yang saya nyatakan kelmarin tatkala menjawab soalan mulut daripada Yang Berhormat dari Bukit Bintang, ingin saya tegaskan sekali lagi, dasar pertukaran asing negara ialah membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan nilai ringgit berdasarkan asas-asas ekonomi negara. Inilah free market yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan kelmarin pun telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Melaka. Walaupun tahap pasaran nilai Ringgit tidak ditetapkan, tetapi Bank Negara Malaysia akan campur tangan dengan membuat intervensi dalam pasaran pertukaran asing apabila wujud turun-naik nilai Ringgit yang keterlaluan. Maknanya, fluctuation is very drastic, dan Bank Negara akan masuk campur tangan terutamanya apabila ia disebabkan oleh aktiviti-aktiviti spekulasi yang tidak disokong oleh asas-asas ekonomi.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kalau Bank Negara bersedia untuk campur tangan, apakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Bank Negara untuk mempertahankan nilai matawang Ringgit setakat ini, dan apakah dasar Bank Negara sekarang. Kerana pada satu ketika ia menyatakan ia akan pertahan berhabis-habisan Ringgit, tetapi selepas itu tidak sampai dua minggu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan pula bahawa Malaysia akan membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan nilainya. Adakah ini bermakna bahawa dasar Bank Negara sudah ikut ala-Major apabila Pound terpaksa 'devalue', dengan izin, ataupun sekarang Bank Negara mengambil dasar secara *ad hoc* sahaja? Ini dua soalan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai jumlah yang disuntik oleh Bank Negara, saya dukacita tidak dapat menyatakan di sini kerana ini merupakan satu perkara yang sensitif. Kalau jumlah itu diberitahu nanti, pihak-pihak spekulasi akan datang, dan tahu berapa jumlah yang kita ada. Jumlah simpanan rizab kita pun dukacita saya tidak dapat beritahu kerana ini juga masalah-masalah sekuriti.

Mengenai mula Bank Negara masuk....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya tidak mempersoalkan sama ada kita mempunyai dasar kewangan atau tidak, sudah semestinyalah kerajaan ada dasar kewangan, kalau tidak ada 'monetary policy' kira teruklah. Yang kita persoalkan ialah supaya kalau statement yang ada dalam Laporan Tahunan Bank Negara yang menyatakan bahawa dari segi kadar pertukaran asing, kita akan melepaskan kepada kuasa pasaran untuk menentukannya. Maka Bank Negara hendaklah konsisten dengan ketetapan yang sedemikian.

Jadi, yang saya persoalkan ialah apabila dikeluarkan kenyataan bahawa kita hendak mempertahankan Ringgit, jadi, ini menimbulkan masalah, satu, dari segi tidak konsistennya pernyataan dasar itu. Dan yang keduanya, ialah

apabila kita pada tahap-tahap nilai tukaran yang tertentu, apabila kita mengeluarkan kenyataan bahawa kita akan mempertahankan Ringgit, maka ia memberi satu signal kepada speculators itu pada nilai-nilai mana kita hendak pertahankan.

Jadi, kalau pun misalnya di European currency crisis dahulu, dia menyatakan ada ceiling dengan floor valuenya yang dia hendak biar, lebih daripada itu kurang daripada itu dia hendak interfe. Jadi, ini memberi satu signal yang cukup jelas kepada speculators, pada angka mana bank akan masuk dan memberi satu kesempatan kepada dia untuk eksploitasikan kemungkinan kemasukan bank dalam pasaran untuk intervene untuk dia buat spekulasi.

Jadi, yang itu yang sebenarnya yang saya tegur semalam iaitu supaya kalau hendak ada dasar apa benda pun, sebenarnya kalau kenyataan dasar itu secara umum kita akan biarkan kepada kuasa pasaran akan menentukan kadar pertukaran asing berdasarkan kepada asas-asas ekonomi negara Malaysia. Full stop!

Selepas itu, Bank Negara hendak interfe sedikit sebanyak ikut belakang through Treasury operation, itu Bank Negara buat dia punya hal. Jadi, tak payahlah dideclare, lepas itu Ahli dari Kota Melaka dia tanya pula, berapa bilion dah kita spend untuk intervention dalam pasaran tukaran asing? Jadi, itu yang pertamanya.

Yang keduanya, ialah saya cuma mengatakan bahawa Bank Negara hendaklah ada stated of objective selain daripada pertukaran asing hanyalah satu daripada fungsinya, dari segi dia sebagai central bank, apa dia punya landasan ataupun panduan dasar kewangan dia untuk control inflasi pada tahap sekian-sekian, as dia punya stated of objective, itu lain-lain dia punya polisi adalah untuk menyokong yang itu dan satu lagi kalau dia state objektifnya hendak control inflasi, maka satu daripada caranya dia boleh control inflasi ialah dia 'control exchange rate'.

Jadi, kalau dia cakap yang itu sahaja, jadi, yang lain ini tak payah dia cakap banyak-banyak sangat, yang saya tegur semalam ialah kalau cakap banyak-banyak sangat dalam ketika-ketika yang berlainan, jadi, dia wujud satu ketidakkonsistennya dari segi pernyataan dan kredibiliti central bank adalah cukup penting untuk meyakinkan pemain-pemain dalam pasaran modal dan pasaran ekuiti untuk membuat keputusan. Jadi, itu yang sebenarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita ada dua level di sini, dua peringkat. Pertamanya, peringkat mengatakan bahawa pertukaran mata wang asing ini secara market forces, dengan izin.

Keduanya, level yang kedua mengatakan, apabila ada fluctuation yang begitu tinggi dan begitu ketara, jadi, Bank Negara akan 'intervene'.

Dan ketiganya, sekiranya levelling itu sudah ada, Bank Negara tidak akan 'intervene' lagi.

Ini yang saya katakan tadi dalam bahasa Melayunya, tahap sasaran nilai Ringgit tidak ditetapkan, bila sudah levelling sahaja Bank Negara tidak akan 'intervene',. Tetapi apa yang Bank Negara masuk apabila ada 'fluctuation' yang begitu tinggi dan begitu ketara, barulah Bank Negara akan masuk. Ini adalah satu-satu dasar yang termaktub dalam buku Bank Negara ini.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Kota Melaka bangun lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Nanti dahulu Yang Berhormat. Dan yang keduanya, ialah mengenai inflasi, mengikut dasar kestabilan harga masih merupakan objektif utama. Ini merupakan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa inflasi berkaitan dengan inflasi juga merupakan satu objektif selain daripada mengenai dasar kewangan, memberi keutamaan kepada kestabilan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya rasa, saya amat terkejut dengan kenyataan tadi, kerana apabila nilai mata wang turun kepada 2.55 to the US Dollar, dengan izin, Bank Negara telah campur tangan dan memaksa nilai mata wang Ringgit naik sehingga 2.46. Tetapi sekarang apabila mata wang Ringgit telah turun kepada 2.63 Bank Negara tidak mengambil sebarang tindakan.

So, macam mana konsistensi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau? Kalau ikut taktik atau strategi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, Bank Negara sudah gagal, itu yang pertama.

Yang kedua, hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa ada hidden agenda oleh satu foundation 'money investment fund', adakah beliau merujuk kepada Quantum investment fund iaitu di Amerika Syarikat yang mempunyai agenda tertentu supaya mempertahankan Myanmar kerana kemasukan

Myanmar ke Asean, adakah beliau merujuk kepada Quantum management fund ataupun yang dipimpin oleh financier yang terkemuka George Soros kerana saya rasa rakyat harus tahu siapakah musuh utama dalam peperangan nilai mata wang Ringgit kita? Adakah George Soros atau tidak. Atau adakah itu Quantum investment fund atau tidak? Dua soalan, sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Nampaknya soalan itu sangat susah bagi saya menjawabnya. Sepertimana yang saya katakan kelmarin apabila saya menjawab soalan Mulut daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, kita mengatakan bahawa sekarang ini di Tenggara Asia merupakan satu tenaga baru dari segi ekonomi yang sungguh cemerlang.

Apa yang dikatakan Asian miracle. Oleh itu, negara-negara lain tentulah cemburu dengan negara kita. Dan mereka akan menggunakan beberapa taktik untuk menjatuhkan imej kita, menjatuhkan ekonomi kita.

Begitu juga yang dikatakan semalam, ada pula nota makluman/Briefing Note dari Australia yang cuba melihat perkara ini dan memastikan bahawa political balance itu tidak ditumpukan kepada Malaysia. Jadi, dengan gambaran ini sebagai latar belakang, dapatlah kita melihat apa yang berlaku sekarang ini.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi, yang keduanya, yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya rasakan esok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik, saya nanti minta supaya dapat dijawab secara bertulis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya bukan ahli ekonomi seperti Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Cuma bila masalah kewangan ini, saya teringat Timbalan Menteri Kewangan pada waktu itu, yang jadi Menteri Besar Johor sekarang ketika dalam Parlimen ditimbulkan masalah turunnya wang Malaysia di zaman Gua Musang menjadi Menteri Kewangan. Lalu Timbalan Menteri Kewangan mengatakan, masa itu Gua Musang S.46, dia kata, Menteri Kewangan pada waktu itu tidak cekap kerana terpaksa 'pump' RM8 bilion untuk menyeimbang antara duit kita dengan duit Singapura.

Sekarang Bank Negara telah 'pump' lebih kurang RM7 bilion untuk mempertahankan wang, yang

mana tidak cekap, Gua Musangkah ataupun Permatang Pauh sekarang atau kedua-duanya tidak cekap? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab soalan itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Satu lagi pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengenai Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa kewangan negara bertanggungjawab kepada kerajaan, jadi, ini tentulah kita melihat bahawa kalau Bank Negara sendiri tidak ada tampuk kepada kerajaan, dia akan membuat sewenang-wenangnya kerana kerajaan ini adalah merupakan sebuah kerajaan yang 'accountable' yang bertanggungjawab kepada rakyat yang memilih.

Jadi, untuk menggalakkan kestabilan kewangan serta struktur kewangan yang baik bagi mempengaruhi kedudukan kredit untuk mencapai objektif utama negara secara keseluruhannya terpaksa dan sememangnya bahawa Bank Negara Malaysia bagi pihak berkuasa kewangan negara bertanggungjawab kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia berkuasa menjalankan langkah-langkah dasar kewangan secara autonomi dan terdapat beberapa perkara khas yang meliputi hal-hal kewangan dan urusan bank yang memerlukan kebenaran Menteri Kewangan.

Oleh itu, selain daripada sebagai satu entiti yang otonomi tetapi dalam perkara-perkara yang lain, apabila satu keputusan yang hendak dibuat, yang paling penting, kebenaran Menteri Kewangan hendaklah dirujuk. Ini kita lihat banyak akta yang dibuat dan diluluskan oleh Parlimen bahawa kuasa mutlak ialah daripada Menteri Kewangan sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya masih kabur sedikit tentang dasar kewangan Bank Negara menangani masalah atau krisis nilai matawang Ringgit ini kerana Yang Berhormat masih belum menjelaskan apakah dasar sekarang. Yang pertama, pertahankan dan selepas ini terpulung kepada kuasa pasaran.

Sekarang Yang Berhormat pula bercakap campur-campur, tengok-tengok keadaan, kalau perlu tahan - tahan. Kalau tak boleh tahan biarkan ditentukan oleh kuasa pasaran. Adakah ini sekarang

merupakan dasar Bank Negara, kerana sebelum ini dasar Bank Negara amat jelas, oleh sebab itu kalau inilah dasar sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, ini bermakna bahawa dasar Bank Negara sekarang adalah secara *ad hoc* sahaja. Kalau begitu, sudah tidak ada dasar lagi, ini 'we go step by step', kalau inilah saya rasa mungkin kita harus menilai semula dasar pengurusan Bank Negara kerana telah membawa keadaan sekarang sehingga BSKL telah menjunam jatuh pada satu ketika kurang daripada 1,000 mata.

Saya rasa itu satu perkara yang amat serius, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyatakan tadi RM7 bilion, saya amat terkejut, kalau inilah angka RM7 bilion kerana Yang Berhormat tidak mahu nafikan dia, ini amat besar dan siapa yang akan menanggung RM7 bilion ini, rakyat Malaysia yang akan menanggung RM7 bilion ini dalam masa dua bulan sudah hilang RM7 bilion, bukankah ini satu perkara yang amat besar dan sangat penting untuk rakyat Malaysia.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, kita punya dasar, saya rasakan mungkin agaknya saya tak pandai menyampaikan dalam bahasa Melayu, elok Ahli Yang Berhormat tengok balik semula Dasar Kewangan Negara ini muka surat 79 ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang tidak boleh pakai lagi!

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ada di sini, saya tandakan merah banyak di sini. Jadi, cuba tengok dan kita teliti ya.

Apa yang dilaksanakan sekarang berlandaskan kepada dasar dan sepertimana yang saya katakan tadi ada dua level itu ialah pertamanya, kita membiarkan dari segi market forces, kalau harga itu fluctuate terlampau tinggi dan terlampau rendah membuatkan keadaan kita tidak stabil, baru kita masuk, ini pun dasar.

Jadi, bukannya bila kita biarkan secara market forces, dengan izin, bukan dasar, bila kita masuk bukan dasar - tidak. Kerana itu juga merupakan dasar dan kestabilan harga juga merupakan dasar.

Jadi, Ahli Yang Berhormat boleh kita bersamasama mentelaah di luar nanti, kalau Ahli Yang Berhormat hendak, kita pergi ayat ke ayat dan kita fahamkan mengenai dasar kita.

Bagi perkara-perkara lain biar saya sambung mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Bank Negara hanya perlu memaklumkan kepada Menteri

Kewangan tentang dasar-dasar yang sedang dan akan dijalankan olehnya, cuma perkara-perkara penting sepertimana yang dikatakan tadi yang termaktub dalam akta-akta yang telah pun kita luluskan bahawa perkara-perkara penting hendaklah dirujuk kepada Menteri Kewangan untuk mendapatkan kelulusan.

Satu lagi ialah mengenai corporatisation universiti, saya akan mengemukakan perkara ini kepada Kementerian Pendidikan oleh kerana mereka sedang berbincang dengan Universiti Malaya dan perkara-perkara ini akan saya kemukakan untuk diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, KTM belum jawab lagi, KTM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia sudah habis dah!

Tuan Lim Guan Eng: Belum habis lagi, KTM.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: We go outside.

Tuan Lim Guan Eng: Penswastan KTM Berhad.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri jawapan secara bertulis, jawapannya ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di

atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

4.29 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM246,195,800 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 bagi Maksud-maksud Bekalan B.14, B.22, B.30, B.32, B.42 dan B.47 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM514,454,410 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1997 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.19, P.22, P.40, P.47 dan P.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6, 7 tahun 1996/1997 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Mengurus Tahun 1997 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1997 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1997 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 dan Kertas Perintah 6A Tahun 1997 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1997, oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud P.7

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Permohonan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri dibuka untuk dibahas.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, peruntukan ini token sahaja RM10, biasa kita tidak bahaslah. Bahas secara token sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya bahas secara token sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Biasanya token ini kita tidak bahas - RM10 - jadi, peraturan saya hendak kemuka untuk dibahas tetapi kita tidak bahaslah, RM10 sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab tentang apa-apa yang dibangkitkan dalam dasar yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, itu lain perkara ya. Ini.....

Tuan Lim Guan Eng: Itu telah dijanji oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa semua perkara yang berbangkit dengan Jabatan Perdana Menteri akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau begitu ini tinggal janji kosong. Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen 'gentleman'...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada apa-apa yang hendak ditambah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, oleh kerana Akta Rasuah akan dibentangkan dan banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan Tanjong adalah mengenai Akta Rasuah, provisi mengenai orang memberitahu dan sebagainya, saya minta kalau boleh dibahaskan nanti semasa Akta Rasuah di dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Tuan Pengerusi, kita mesti ada akauntabiliti kerana ini diutarakan dalam perbahasan peringkat dasar dan saya juga ada menyebut dan menimbulkan perkara tentang taraf bumiputera - mereka yang datang dari Sabah dan Sarawak, tetapi masih belum dijawab kerana Yang Berhormat hendak berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ini pun penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekarang kita dalam Jawatankuasa....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu tetapi itu yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Itu sebab.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jadi, saya tidak nampak ada apa-apa perbahasan dalam Jawatankuasa yang membahaskan dengan RM10.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bangun dan memberikan jawapan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dan saya hendak kemuka untuk diputuskan.

Tuan Lim Guan Eng: Macam ini tidak ada akauntabilitilah. Saya rasa ini telah melanggar konvensyen kita kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan demikian...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap sahaja bahawa ia boleh dipenuhi dan terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada hendak ikut konvensyen atau hendak lawan konvensyen.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat,

masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Pertama bagi tahun 1997 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997.

Maksud B.14 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

4.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud Bekalan B.14, terlebih dahulu saya telah menyatakan, saya rasa berkali-kali sebelum ini bahawa Ahli-ahli Parlimen ingin meminta butiran atau penerangan yang lebih lanjut daripada mereka yang bertanggungjawab menyediakan Kertas Perintah dan Kertas Statute ini. Kalau kita melihat tuntutan atau permohonan daripada pihak kementerian, tambahan sebanyak RM3.5 juta untuk melaksanakan kerja-kerja kecantikan bandar bagi enam buah kerajaan tempatan untuk menjayakan Sukom tetapi di sini tidak sebut mana enam kerajaan tempatan ini.

Kita tahu kerana kita ada baca surat khabar tetapi mengapa dalam menyediakan perkara ini atau permohonan ini, butiran lanjut tidak boleh diberikan. Saya rasa keadaan ini, sungguhpun kita telah berulang-ulang kali tetapi tidak ada tindakan susulan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dan di sini saya harapkan bahawa pihak yang berkenaan bolehlah memberikan penjelasan supaya Ahli Parlimen tahu apa yang kita luluskan. Kita tidak mahu keadaan di mana kita luluskan secara buta sahaja dan inilah yang akan berlaku kerana kita mahu menjadi Ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Sungguhpun ini mungkin tidak berapa lama lagi bagi saya sendiri tetapi sekurang-kurangnya kita hendak jalankannya dengan baik, lengkap dan teratur. Bukan secara buta luluskan jumlah ini apabila rakyat tanya kita apa yang kita luluskan, kita cakap tidak tahu!

Kalau begitu adakah kita anggap bahawa Parlimen ini sebagai 'rubber stamp'? Kalau kita

tidak mahu Parlimen sebagai 'rubber stamp' adalah perlu bahawa kita berikan penerangan yang secukupnya supaya kita tidak lulus secara buta, kita tidak cop sahaja perkara ini dan kita tahu apakah kegunaan jumlah wang yang diperuntukkan ini, macam mana ia dibelanjakan. Saya harap perkara ini tidak akan diulangi lagi kerana kalau ia diulangi lagi, saya rasa ini merupakan bahawa pihak berkenaan tidak menghormati langsung peranan yang dimainkan oleh Parlimen dan saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bolehlah mengambil perhatian tentang perkara yang saya telah membawanya berkali-kali.

Tuan Pengerusi, sungguhpun peruntukan sebanyak RM3 juta ini dikehendaki untuk kerja-kerja kecantikan bandar, saya hendak bertanya di sini, apakah kriteria yang dipakai untuk menentukan perbelanjaan yang mereka perlukan kerana kalau kita lihat keadaan atau tahap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan adalah sungguh tidak memuaskan. Dan di sini saya merujuk kepada kawasan saya sendiri - Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah - sungguhpun bandaraya bersejarah, menjadi pusat pelancongan tetapi dari segi perkhidmatan yang diberikan amat teruk sekali. Apabila hujan lebat turun satu jam, banjir sudah berlaku. Satu jam sahaja, tidak perlu berhari-hari. Satu jam sudah cukup untuk menyebabkan banjir kilat dan saya rasa masalahnya ialah dari segi prestasi pelaksanaan projek-projek atau dari segi kawalan ke atas perbelanjaan yang dilaksanakan adalah sungguh teruk sekali dan ini boleh berlaku kerana tidak wujud langsung akauntabiliti oleh pihak berkuasa tempatan.

Semua ahli-ahli majlis kerajaan tempatan dilantik, bukan dipilih oleh rakyat dan oleh kerana mereka dilantik, mereka boleh buat apa yang mereka suka. Mereka tidak payah menjawab kepada rakyat macam, apakah tahap prestasi kerja mereka, mengapa mereka belanjakan wang itu, mengapa mereka laksanakan projek itu? Dan saya rasa kalau kita hendak meluluskan peruntukan ini, kita mesti tahu, kita mesti akauntabiliti. Adakah dalam jumlah ini ahli majlis tempatan akan gunakan jumlah ini untuk melawat ke luar negeri supaya mereka dapat belajar dari luar negeri macam mana mencantikkan kawasan bandaraya mereka. Ini sering dilakukan. Macam Ahli Majlis Kerajaan Tempatan di Majlis Perbandaran saya, mereka sering pergi ke luar negeri; Australiakah, Perthkah, Indonesiakah; bukan pegawai kerajaan, Tuan Pengerusi, ahli majlis kerajaan tempatan. Mereka semua yang kalah dalam pilihan raya besar, dilantik menjadi ahli majlis

kerajaan tempatan. Inilah mereka yang sudah ditolak oleh rakyat. Sudah ditolak oleh rakyat, rakyat tidak mahu sama mereka. Semua calon Barisan Nasional yang kalah, semua menjadi ahli majlis kerajaan tempatan. Ini seakan-akan merupakan satu hadiah politik atau hadiah, consolation prize, dengan izin, kerana mereka kalah dalam pilihan raya, mereka dilantik menjadi ahli majlis kerajaan tempatan dan kita harap bahawa mereka boleh menjalankan kerja mereka dengan baik.

Oleh kerana mereka gagal berbuat demikian dan saya boleh berikan satu, dua contoh di mana mereka tidak mempunyai akauntabiliti. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah menyatakan bahawa CF sementara, sebagai contohnya, CF sementara di mana ia akan sah laku untuk enam bulan, peruntukan ini akan digugurkan, akan dimansuhkan kerana ia sering disalahgunakan oleh kerajaan tempatan. Ini memang benar, memang berlaku, di mana ia disalahgunakan sepertimana yang berlaku di kawasan saya sendiri apabila jejambat tidak dibina untuk satu kompleks beli-belah, sungguhpun diperuntukkan dalam syarat-syarat pembinaan, ia tidak dibina tetapi CF sementara boleh diberikan dan kalau lift untuk satu bangunan sebelas tingkat tidak disediakan, CF sementara pun boleh dikeluarkan dan sungguhpun sudah enam bulan, enam bulan pun sudah lepas, jejambat masih belum dibina tetapi CF masih kekal lagi. Inilah punca penyalahgunaan yang berlaku di kerajaan tempatan yang khususnya berlaku di Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah di mana saya rasa semua Yang Berhormat di sini tahu, ada tiga, empat orang pegawai kanan yang sudah didakwa di mahkamah kerana melakukan rasuah. Saya tidak percaya hanya di Melaka sahaja mereka yang melakukan rasuah, ada lain-lain kerajaan tempatan di mana masalah rasuah pun berlaku tetapi tidak didedahkan sahaja, bukan macam mana yang didedahkan di Melaka.

Oleh sebab itu saya harap bahawa kita tutuplah peluang mereka mencari keuntungan dan satu lagi perkara Tuan Pengerusi, yang saya ingin timbulkan ialah tentang Jabatan Pembetulan. Sungguhpun kuasa majlis pihak berkuasa tempatan ke atas perkhidmatan pembetulan telah diserahkan kepada IWK tetapi tidak boleh dinafikan bahawa ia timbulkan banyak masalah dan di sini.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung Karang bangun minta jalan.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan. Sebelum itu yang pertama point of order. Saya hendak tanya, kita ini bahas dalam peringkat Jawatankuasa hendak membahaskan fasal enam buah pihak berkuasa tempatan sempena Sukan Komanwel. Ini cerita macam ucapan dasar bolehkah dibahaskan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka, saya setuju dengan Tanjong Karang kerana dalam Jawatankuasa kita perlu spesifik. Dalam point of order ada disebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu tetapi saya beri sekadar contoh sahaja. Itu sebagai contoh sahaja. Kalau kita cakap mencantikkan kerajaan tempatan, pembetulan pun satu perkara yang sangat penting sekali. Kalau tempat kolam najis atau loji najis itu busuk, macam mana kita boleh cantikkan kawasan kerajaan tempatan kita. Itu pun penting dan saya rasa kita tidak mahu mengalami bau busuk, tidak mahu atlet-atlet kita menghidu bau busuk. Saya rasa Yang Berhormat pun akan bersetuju dan di sini, saya rasa dari segi pembetulan, sungguhpun pihak kerajaan tempatan telah serahkan kepada IWK tetapi bolehkah pihak kerajaan pastikan bahawa mereka menjalankan kerja mereka dengan baik. Sungguhpun perkara ini telah dikaji semula tetapi ia masih belum ada improvement, dengan izin, dan selain daripada itu mereka mengenakan kadar yang tinggi iaitu RM8 untuk rumah kos rendah bila Yang Berhormat Menteri telah menyatakan hanya RM2 sahaja tetapi mereka tetap mengenakan RM8.

Oleh sebab itu saya tidak mahu memanjangkan ucapan saya kerana hendak memberikan peluang kepada orang lain, terutama sekali Yang Berhormat Tanjong Karang yang saya rasa dia minat tentang perkara ini. Kita berikan peluang kepada dia untuk berucap dan saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru dan saya ingin ucapkan, sebelum saya lupa, ucapkan tahniah kepada beliau menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru dan saya rasa beliau akan sama-sama bertanggungjawab.

Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

4.45 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun sebenarnya

mempunyai soalan yang sama dengan sahabat saya dari Kota Melaka tetapi tidaklah emosi sangat. Saya pun hendak tanya enam majlis tempatan ini daripada mana? Adakah hanya untuk majlis tempatan dalam negeri Selangor sahaja kerana Sukan Komanwel ini akan diadakan di dalam kawasan Selangor dan juga Wilayah Persekutuan. Jadi, kalau boleh dapat jelaskan enam pihak berkuasa tempatan ini dan pecahannya berapa banyak tiap-tiap satu pihak berkuasa tempatan.

Yang kedua, saya hendak tanya adakah pihak kementerian begitu yakin dalam tempoh 400 hari lagi lebih kurang Sukan Komanwel ini akan dilaksanakan, adakah program-program mencantikkan bandar ini akan tercapai? Adakah program ini merangkumi menanam pokok? Jadi, kalau perbelanjaan pokok ini RM3.25 juta memang banyak. Kalau setakat negeri Selangor sahaja saya ingat habis pokok dalam negeri Selangor ini hendak dibeli.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini sebab kita lihat tanam pokok ini. Kerja menanam ini bukan senang. Kita nampak senang kita tanam. Saya tengok pokok-pokok yang Bandaraya tanam ini bila datang ribut, dia 'reban' habis, instant, dia tumbang - orang Kedah kata 'reban'. Bila tumbang, kita tengok akar pun tidak ada. Jadi, adakah peruntukan yang kita hendak beri ini hendak tanam pokok jenis itu? Adakah kita hendak lanskap ini akan berkekalan mengindahkan? Kita sokong untuk mengindahkan supaya mereka balik ke negara mereka, mereka boleh cerita Malaysia cantik.

Begitu juga airport, saya difahamkan airport baru ini, saya hendak tanya sedikit pandangan Yang Berhormat, airport baru ini kereta jenis Opel yang hendak digunakan untuk limousin, mana dia Proton kita, mana dia Perodua kita ataupun Rusa? Jadi, kita takut benda-benda macam ini berlaku. Bayangkanlah kereta Opel ini buatan Jerman. Kalau kita pergi ke Germany, hendak suruh orang-orang Germany ataupun kerajaan Germany guna Proton di airport mereka, mereka mahu pakaikah? Peruntukan tentang ini saya sokong, tetapi hendak tanam pokok pun tanamlah pokok yang betul, jangan instant. Mee tak apalah instant, [Ketawa] apomkah, kueh paukah sekarang ini jenis instant, tetapi pokok ini bukan boleh instant.

Jadi, tentang kereta ini, saya difahamkan tadi, semalam saya tidak sempat, tadi saya difahamkan akan guna kereta Opel di lapangan terbang baru. Timbalan Menteri Pengangkutan kita ada atau masa lain boleh jawab. Jadi, saya minta kerajaan kaji balik, gunakan Proton di airport kita. Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, dua perkara yang ditimbulkan oleh sahabat saya, saya hendak jawab yang nombor dua itu berkenaan kenderaan yang akan disediakan di KLIA ini. Kalau betul kereta Opel digunakan, ini amat mendukacitakan kerana tidak guna kita indahkan pekan kita, menunjukkan kebudayaan kita, ciri-ciri kita, tetapi akhirnya yang industri sendiri kita ada, kereta sendiri kita ada, identiti sendiri kita ada, tetapi mengapa kita hendak gunakan identiti orang lain?

Jadi, peruntukan yang begini banyak untuk menunjukkan keindahan negara kita, tetapi keperluan pengangkutan kita memberi peluang pula mengagungkan ataupun menunjukkan keindahan buatan negara lain, saya rasa ini tidak kena. Saya bersetuju dengan sahabat saya dari Yan. Ini Timbalan Menteri Pengangkutan hendak kena tengoklah perkara ini. Kalau betul ada kereta Opel ini, kita sampaikan hasrat kita supaya sewalah limosin Proton Saga ini, MARA pun saya ingat ada limousin Limora.

Yang kedua, saya bersetuju dengan sahabat saya dari Yan. Itu sebab saya hendak tanya tadi, jenis pokok apa? Sahabat saya dari Yan ini Pengerusi FAMA. Saya ini hendak tanya juga Pengerusi FAMA kot-kot FAMA ini ada dibawa berbincang kerana RM3.25 juta ini selain daripada kita hendakkan mencantikkan keindahan bandar di negara kita, kita hendak tahu juga apa faedah yang rakyat dapat? Bagaimana sistem pokok ini akan ditanam, adakah dia beri kepada majlis daerah ataupun majlis daerah pergi minta dengan FAMA, FAMA akan mengembangkan sistem vendor sebagai contoh, diberi peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar. Kalau enam majlis daerah di dalam Selangor ini, termasuk Tanjong Karang dalam negeri Selangor. Kita di Tanjong Karang ini pun kawasan pertanian. Kalau ada peluang sistem vendor menanam pokok-pokok ini, saya rasa, kita akan menyambut dengan tangan terbuka. Jangan nanti RM3.25 juta ini tanam bunga pun dia import daripada luar negeri. Bunga-bunganya, pokok-pokoknya, semuanya diimport daripada luar negeri. Duit yang kita sediakan untuk pembangunan negara kita akhirnya terpaksa mengalir keluar.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
Mengenai FAMA.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap. Mana satu hendak beri, Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Tak apa, Batang Lupar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, beri kepada abang yang tua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Selepas ini Yan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada sedikit sahaja sentuhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Dia kata pokok-pokok bunga pun diimport daripada luar negeri, saya memang tidak bersetuju sebab saya ada satu cadangan oleh kerana Yang Berhormat dari Yan kata tadi, apabila pokok ini ditanam pada hari ini, besok dia tumbang, akarnya pun tidak ada. Jadi, kita cadangkan pokok daripada Sarawak ini - ini diimport juga ke Semenanjung.....

Seorang Ahli: Tak adalah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak ya, itu local. Saya cadangkan pokok 'hujan panas', di sini dipanggil pokok yang boleh diguna bermacam-macam guna.....

Seorang Ahli: Pokok berhantukah?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tak, tak ada hantu ini. Pokok ini boleh digunakan untuk menguatkan anggota badan zahir dan batin, boleh menguatkan apa-apa sahaja pokok ini. Pokok ini besar di bawah, kecil ke atas, jadi dia boleh tahan walau macam mana ribut sekalipun dia boleh tahan. Pokok ini macam pokok.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bamboo!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan bamboo. Ini macam pokok Tongkat Ali. [Ketawa] Ini Tongkat Ali varieties, tetapi daripada Sarawak. Dia macam Tongkat Ali juga tetapi akar pokoknya menjunam jauh ke bawah, dia lebih tahan dan lebih baik ditanam, pokoknya rendang dan cantik. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat kalau kita import pokok ini daripada

Sarawak supaya industri ini bukan sahaja memberi peluang kepada orang di Tanjong Karang buat bisnes landscaping tetapi kita beri peluang kepada orang Sarawak menghantar pokok-pokok daripada hutan Sarawak yang lebih baik, yang lebih bermutu untuk ditanam di Selangor.

Yang kedua, saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dari Yan. Kereta kita macam Proton Perdana begitu cantik sekali, begitu sporty dan sleek sekali, kenapa pula guna kereta daripada luar negara? Pada masa sekarang kalau kereta jenis 2,000 c.c. tidak ada satu kereta yang boleh setanding dengan Proton Perdana jika dibandingkan di jalan raya, kenapa kita hendak gunakan kereta lain? Bahkan dalam keadaan Sukom sekarang, Sukom boleh beri arahan ataupun minta dengan kerajaan supaya kereta jenis baru dibuat oleh Proton untuk limosin kita sendiri, jenis limousin untuk Sukom digunakan di KLIA. Kenapa pula kita hendak import kereta Opel daripada Jerman ataupun Opel daripada Australia kerana Opel ini dibuat di dua tempat, Opel di Australia dan Opel juga dibuat di Jerman. Jadi, kalau Opel ini sudah dibuat di Sarawak, di Malaysia, bolehlah kita buat, gunakan di sini, tetapi ini kereta luar negara. Kenapa tidak Proton Perdana, kenapa tidak Proton Saga, Proton Wira dan sebagainya ataupun sama panjang atau pendek kereta ini boleh kita pakai? Betul, saya setuju ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, benda macam ini saya ingat bukan 'be taken in the light' atau cakapan-cakapan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Batang Lumar, minta penjelasan pendek sahaja, jangan berucap.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tangan saya setengah [*sambil menggayakan tangan*], belum sampai turun ke bawah. Tuan Pengerusi, terima kasih oleh kerana kadang-kadang kita teringat cakap wakil Kota Melaka tadi. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan supaya limousin kita beri prioriti, bahkan kalau di luar negara, head of state gunakan kereta dia sendiri. Kalau di Jepun dia mesti guna kereta Jepun, kalau negeri China dia guna kereta negeri China, dia tidak guna kereta Jerman untuk menunjukkan dia sokong industri tempatan mereka. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, berkenaan kereta, saya sudah cakap tadi. Saya bersetuju tetapi itu pun Yan yang cakap. Tetapi

kalau ini khabar-khabar angin, saya ingat mungkin tidak betul, tetapi kalau Yan cakap ini selalunya betul. Yan mendapat first hand information.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan sedikit statement. Saya tidak kata akan diimport daripada luar negeri, kita takut dalam tempoh masa 400 hari lagi dalam apakah sudah disediakan daripada bawah, daripada mana pokok-pokok ini akan diambil, akan ditanam. Yang saya katakan, kita khuatir bila nanti pokok hendak diambil, pokok di Malaysia sudah tidak ada, dia terpaksa import daripada luar negeri.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lumar. Kalau boleh di enam buah majlis tempatan ini nanti mesti ditanam pokok-pokok daripada pelbagai negeri. Kalau boleh kita tulis, pokok daripada negeri Kedah, pokok Sarawak, pokok Terengganu dan sebagainya, jadi melambangkan bahawa kita mempunyai pelbagai negeri. Dan ada pokok-pokok bunga yang tiap-tiap negeri sedang promosi.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebab sentuh Pengerusi FAMA, jadi saya kena cerita sedikit. Memang FAMA, Tuan Pengerusi, ini hendak beritahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga. Kadang-kadang bila FAMA hendak minta kerja, cukup susah hendak beri sedangkan FAMA ini kita ambil orang PPRT tanam pokok. Orang PPRT yang miskin.....[*Dato' Dr. Ting Chew Peh masuk ke Dewan*] Ha, Menteri masuk, bagus, lai, lai, ciluk. [*Ketawa*] Kadang-kadang kita di kerajaan tempatan, FAMA sendiri masuk hendak minta lanskap pun mereka tidak beri sedangkan kita guna tenaga PPRT, orang kampung yang tidak erti, yang buta huruf ini, tanam pokok.

Saya hendak cadangkan kali ini hendak mengindahkan bandar ini kita tanam pokok-pokok macam pokok sirih, [*Ketawa*] jangan dok gelak, tunjuk pokok sirih, 'this is sirih', beritahu kepada tourist yang datang, pokok pegaga, pokok kadung, kita tanam pokok-pokok ini sebagai pokok yang mengindah. Ini kita pergi tanam pokok yang tidak manfaat, yang elok sahaja. Macam tadi Yang Berhormat dari Batang Lumar kata.....[*Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar keluar Dewan*] Dia pun keluar dah, bercakap pasal Tongkat Ali, 'dan-

dan' dia keluar. *[Ketawa]* Pokok Tongkat Ali ini kita boleh tanam, tetapi masalahnya kot orang pergi kerat sebelah malam hendak akarnya, tetapi kita boleh buat. Jadi, saya mencadangkan kerajaan tempatan gunakan pokok-pokok macam ini untuk memperkenalkan spesies Malaysia. Betullah, Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya bersetuju, sokong FAMA, FAMA tolong orang miskin, duit kerajaan juga. Jadi, insya-Allah, kalau banyak mereka tanam, banyak kita boleh dapat daripada kerajaan tempatan, maka banyaklah orang PPRT ini cepat kita tebus daripada golongan PPRT. Terima kasih, Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya pun sebab wakil rakyat PPRT, itu sebab kita hendak sebut pasal FAMA. Jadi, saya percaya kalau ada satu perancangan dia buat dengan begitu terancang kepada enam majlis tempatan ini, maka segala rancangan dan juga cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Yan, daripada Batang Lupar ini kita boleh laksanakan dengan baik.

Saya ingin mendapat penjelasan adakah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: PAS pun nak tanam pokok juga?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang. Masalah penanaman pokok ini, apa matlamat yang sebenarnya kita tanam pokok ini? Mungkin untuk keindahan,.....

Tuan Michael Lisa Kaya: Kempen kecantikanlah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:mungkin untuk kehijauan dan lain-lain. Tetapi yang lucu, yang agak geli hati saya melihat adakah tempat yang sudah banyak pokok ditanam pokok, ini persoalannya. Kalau kita hendak tanam pokok itu di tempat yang tidak ada pokok.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Di mana itu?

Tuan Michael Lisa Kaya: Pandanglah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, banyak, kalau kita

lalu di tempat yang sudah banyak pokok ditanam pokok, buat apa? Tidak rasional, tidak boleh diterima oleh akal. Ini bagaimana hendak jadi sebuah negara maju, berfikiran ke belakang. Tidak perlu membazirkan wang. Kita perlu tanam pokok di tempat yang tidak ada pokok. Ini yang mustahak.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tanam di tempat yang tak ada pokok.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, ada dua perkara.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan terlalu lama bersangkutan dengan pokok sahaja.

Tuan Noh bin Omar: Ya, sebab ada dua perkara yang dibangkitkan yang saya tidak boleh bersetuju. Pertama, dia tanya apa tujuan tanam pokok? Saya rasa tujuan tanam pokok ini bukan untuk mencantikkan, itu tujuan yang kedua. Tujuan yang pertama, untuk mengeluarkan oksigen. Kalau pokok tidak ada, mana datang oksigen? Yang Berhormat pun tidak boleh hendak bernafas. Jadi, tujuan utama kita untuk membanyakkan oksigen dan juga untuk mencantikkan bandaraya kita.

Yang kedua, saya amat percaya bahawa pokok yang akan ditanam mestilah di tempat yang belum ditanam. Kalau tempat yang sudah ada pokok, yang telah ditanam, takkanlah majlis perbandaran hendak tanam. Saya tidak tahulah kalau di Kelantan.....

Seorang Ahli: Itu orang gila.

Tuan Noh bin Omar: Kalau di Kelantan sudah banyak pokok, ditanam lagi pokok supaya lebih banyak lagi pokok yang sedia ada, saya rasa itu satu perbuatan yang membazir. Tetapi Kerajaan Barisan Nasional di Selangor saya yakin bahawa kerajaan tempatan di Selangor tidak akan buat sepertimana yang dicakap oleh Yang Berhormat dari Tumpat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak perbetulkan, kalau kita sebut perkataan 'tempat' itu, bahasa Malaysiannya bukan masalah

tempat itu. 'Tempat yang berdekatan' itu dikatakan tempat juga, 'persekitaran' itu tempat juga. Jadi, Yang Berhormat ini macam mana lawyer tidak pandai bahasa Malaysia ini? Susah. Ini saya hendak perbetulkan, takut keliruan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tarik balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tempat yang ada pokok ialah persekitaran. Misalnya di tepi jalan ini ada hutan, pokok getah, pokok kelapa sawit, kadang-kadang di tepi itu tanam pokok juga, buat apa? Dari segi oksigen sudah cukup. [Ketawa] Ini yang saya kata tidak rasional. Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak berdebat pun, dia bukan pakar pokok. Dia cakap, contoh mungkin di depan mata dia. Yang saya katakan tadi biarlah tempat yang ditanam pokok itu - dia hendak berdebat dari segi istilah, tetapi bila kita kata tempat tanam pokok, Yang Berhormat kata hendak tanam pokok lagi. Sudah tentu tidak akan ditanam. Yang maksud di bawah ini untuk kecantikan bandar. Tetapi kalau pokok sudah ada, misal kata pokok di satu tempat sudah ada, tetapi pokok itu sudah tidak cantik, saya ingat tidak salah kita tanam dan kita menambah dengan pokok-pokok yang lebih menarik supaya ia lebih rimbun dan sedap mata memandang. Kalau pokok-pokok yang ada pun layu, bunga pun sudah gugur, saya ingat pokok-pokok ini kena ditukar sebab kita ingin mencerminkan kepada pelancong-pelancong semasa Sukan Komanwel bahawa Malaysia ini maju bukan sahaja dari segi industri, tetapi dari segi kebudayaan kita, keindahan bandar kita.

Tetapi yang saya hendak tekan di sini bahawa di samping kita ingin menunjukkan keindahan negara kita, kita jangan lupa bahawa hasil daripada pembangunan ini mesti diraih, mesti dirasai oleh penduduk-penduduk tempatan. Jangan kita hanya menjadi penonton, kita berbangga negara kita cantik, kita berbangga bandar raya kita cantik, tetapi orang tempatan tidak mendapat apa-apa faedah. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah satu perancangan telah dibuat, satu master plan ataupun layout yang tertentu telah dibuat oleh pihak kementerian supaya pastikan duit RM3.5 juta ini dimanfaatkan dengan sesungguhnya. Jangan nanti sebelum Sukan Komanwel bermula pokok sudah mati. Adakah pihak kementerian memikirkan bahawa perbelanjaan ini boleh dilaksanakan dengan terbaik dalam tempoh lebih kurang 400 hari lagi.

Jangan nanti bila sampai masanya nanti, pokok yang hendak ditanam, batangnya sahaja ada, daunnya tidak ada. Jadi, ini yang ingin saya bangkitkan dan saya harap dapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam.

5.02 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya harap merujuk kepada maksud B.14 ini, wang sebanyak RM3.5 juta bukan semata-mata dibelanjakan pada tanaman pokok sahaja. Saya rasa adalah lebih penting punya perkara perlu dibuat terhadap bandar-bandar yang bernasib baik itu, walaupun saya rasa cemburu sedikitlah kerana Bandar Bukit Mertajam tidak dapat.

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh menggunakan peruntukan yang diminta itu untuk tujuan pembinaan struktur-struktur kemudahan asas yang lebih kekal dan bukan sementara sahaja untuk Sukan Komanwel beberapa hari atau beberapa bulan selepas itu dirobuhkan. Saya harap duit itu boleh dipakai untuk memperbaiki jalan-jalan, longkang, semua kemudahan asas seperti lampu-lampu isyarat lalu lintas yang boleh memberikan satu keadaan yang lebih baik, lebih selesa untuk pelancong-pelancong yang datang. Berkaitan dengan ini papan-papan tanda, tempat-tempat lain mesti dibuat dengan lebih jelas supaya memberikan arahan kepada pelancong-pelancong orang luar negeri supaya mereka tidak sesat jalan dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan inilah yang boleh dibuat dengan peruntukan ini sempena Sukan Komanwel 1998 itu.

Saya harap duit ini bukan semata-mata digunakan untuk menghiaskan Sukan Komanwel sahaja. Memang duit yang besar-besaran boleh dibelanjakan dalam perkara seperti membuat sebanduk, membuat balloon besar-besaran, publisiti dan sebagainya. Tetapi saya rasa duit seperti ini bukan sahaja untuk perhiasan. Kita mesti fikirkan macam mana gunakan duit ini untuk memperbaiki keadaan bandar-bandar yang terlibat. Dan pada masa yang sama kita boleh gunakan duit ini untuk membuat jalan-jalan baru, sistem pembedahan baru dan juga barangkali blok-blok asrama untuk peserta-peserta Sukan Komanwel yang selepas itu boleh dijual kepada orang-orang miskin seperti rumah-rumah kos rendah ataupun dijadikan rumah-rumah kos rendah yang dipakai oleh PPRT dan sebagainya.

Kita mesti gunakan duit ini supaya duit ini boleh dipakai beberapa kali. Kali pertama oleh Sukan Komanwel, kali kedua oleh orang-orang yang miskin dan pada masa yang sama saya rasa banyak kemudahan awam seperti tong sampah, seperti tandas-tandas awam mesti dibina dan dijaga keadaan kebersihannya supaya pelancong dari luar negeri datang ke sini boleh dapat satu pandangan yang baik terhadap Malaysia yang dikatakan sudah menuju ke zaman IT. Kalau kita menuju ke zaman IT, keadaan kemudahan asas kita pun mesti canggih dan juga mesti dijaga dengan baik-baik supaya membayangkan prihatin kerajaan terhadap keadaan hidup untuk rakyat jelata. Dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong bahagian itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan.

5.06 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perbahasan untuk Maksud B.14. Tuan Pengerusi walaupun tidak dinyatakan di sini pihak-pihak berkuasa tempatan yang dimaksudkan, tetapi saya percaya tujuan untuk mempercantikkan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan bukan semata-mata kerana kita ada sukan. Ia di samping mengindahkan bandar-bandar berkenaan untuk keselesaan para peserta dalam Sukan Komanwel nanti, ia tidak semestinya berakhir di situ sahaja. Justeru itu, saya inginlah merayu agar apa yang dilakukan itu adalah yang boleh meninggalkan kesan untuk bandar-bandar berkenaan ataupun negara kita selepas itu.

Saya percaya bahawa sahabat-sahabat yang lain telah pun berucap panjang lebar mengenai pokok ini. Saya juga ingin menyentuh mengenai perkara ini, oleh kerana saya katakan tadi di samping mengambil bahagian di dalam Sukan Komanwel nanti para peserta sudah tentu akan melancong juga di lain-lain tempat di negara kita ini. Mereka sudah tentu akan mengambil kesempatan. Jadi, dalam konteks ini, saya ingin menyentuh di kawasan saya iaitu di Tuaran, di mana dari Pekan Telipok sampai ke Gunung Kinabalu, di mana para pelancong atau para peserta yang mengambil bahagian dalam sukan ini pasti akan melawat di situ kerana tempatnya cantik, dan sayang kalau mereka tidak melawat di situ. Yang saya ingin persoalkan di sini adakah sebahagian daripada peruntukan ini diberi kepada pihak berkuasa tempatan negeri Sabah memandangkan di situ betul ada pokok di sana.

Tetapi oleh kerana tidak ada street light, dengan izin, Tuan Pengerusi, kerbau langgar semua pokok, habis. Tambahan lagi pula, rumputnya sudah begitu tinggi tidak dibersihkan, pokok pun mati begitu sahaja. Musim kemarau tumbuh sama-sama dengan lalang.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kawan lama bangun, Tanjong Karang minta jalan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Berilah peluang dahulu, nanti.

Tuan Noh bin Omar: Sedikit sahaja, boleh?

Seorang Ahli: Sabah punya kerbau!

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak tanya, kerbau ada dalam pekankah? [Ketawa]

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak.

Seorang Ahli: Kerbau makan.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak tanya, kerbau ada dalam Majlis Bandaran di tempat Yang Berhormatkah? Macam mana kerbau boleh ada?

Tuan Yunof Edward Maringking: Boleh jawab nantilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada, Yang Berhormat, saya jawab.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, dalam keadaan ini saya sentuhkan, Tuan Pengerusi, oleh kerana nampaknya prioritas itu tidak menentu. Ada yang tanam pokok, tetapi tidak potong rumput, di mana kecantikan. Sudahlah tidak potong rumput, tidak ada street light. Jadi, mana yang lebih mendatangkan kesan yang berkekalan seperti yang dikatakan oleh Tumpat tadi saya setuju di sebelah-menyebelah jalan raya itu bukan jutaan, bahkan bilion pokok ada di situ, kenapa mahu tanam pokok lagi. Buatlah street light. Sudah memadai untuk mencantikkan bukan sahaja bandar kita, tetapi jalan raya.

Jadi, saya rasa perbelanjaan kewangan rakyat haruslah dilakukan dengan sebaik-baiknya, haruslah bukan semata-mata untuk memberi peluang perniagaan kepada setengah-setengah pihak, tetapi peluang itu hanya sebagai saluran untuk melaksanakan projek. Kalau tujuan itu semata-mata untuk memberikan peluang pekerjaan kepada setengah-setengah pihak, jahanam akan akibatnya. Saya kata di negeri Sabah kakitangan kerajaan,

pihak-pihak berkuasa, oleh kerana prioritas salah, gaji tidak boleh naik. Bonus kakitangan pun belum dibayar, bankrup kerajaan negeri. Jadi, bila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Persekutuan akan bantu kerajaan negeri yang tidak tahu apa hendak buat yang sebenarnya. Saya rasa perkara ini perlu diambil perhatian dan mintalah pihak Kerajaan Persekutuan atau kementerian memberi bimbingan kepada menteri berkenaan yang banyak cakap tetapi sedikit yang dilakukan.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini penting saya timbulkan di sini kerana kita mahu agar perbelanjaan wang negara haruslah dilakukan dengan hati-hati agar kita tidak akan menyesal kemudian hari. Itu sahaja pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi? Kepong.

5.12 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya akan menuju kepada usaha untuk mencantikkan bandar. Sebenarnya ada tujuh bandar yang dimaksudkan, iaitu Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Kajang, Subang Jaya, Sepang dan Langkawi. Inilah sebahagian daripada RM17 juta yang diperuntukkan untuk maksud ini. Saya mengalu-alukan usaha untuk mencantikkan bandar-bandar kita, terutamanya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan juga Shah Alam. Cuma ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan.

Saya tertarik kepada hujah daripada Tanjong Karang dan Batang Lupar dan juga Yan, tidak silap saya yang memberi nasihat supaya sirih dan sebagainya dimasukkan di dalam senarai pokoknya. Tetapi kalau ikut kementerian yang berkenaan hanya 10 jenis sahaja saya diberitahu, iaitu Sentang, Merawan Siput Jantan, Janda Merana, Simpoh, Kelompang, Jambu Laut, Korma, Kayu Manis, Kesai dan Pulaui sahaja yang dicadangkan untuk jadi pokok-pokok di bandar yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya pun hairan juga mengapa Yan tidak tahu kerana kita ada Jabatan Landskap Negara, di mana MARDI menjadi salah satu ahli daripada Jawatankuasa Penyelidikan untuk landscape yang terdiri daripada Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), MARDI, UTM, ITM dan UPM. Itulah malangnya, Yan mesti mengambil perhatian mengenai masalah seperti ini.

Walau bagaimanapun, saya nampak ada palma-palma yang digunakan di sekitar Kuala Lumpur dan palma ini memang mahal dan bolehkah Yang

Berhormat sebutkan pokok-pokok palma ini dari mana kita import? Saya pun tak suka juga hendak import pokok, kita gunakan pokok di Malaysia banyak jenis dan tambahan juga sudah ditetapkan 10 jenis, saya pun tak tahulah kriteria yang digunakan untuk cadangan 10 jenis pokok yang akan digunakan untuk mencantikkan bandar kita. Walau bagaimanapun, selain daripada pokok, kita ada masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada satu tahun yang akan datang misalnya di Kuala Lumpur kita akan dapat RM7 juta untuk kecantikan bandar. Tetapi bila kita melalui jalan-jalan di Kuala Lumpur, kita nampak tempat-tempat kosong, kawasan-kawasan kosong, di situlah bukan sahaja kita tidak hendak tanam pokok bahkan juga aktiviti-aktiviti di kawasan-kawasan ini kita mesti mengambil kira, misalnya Tuan Pengerusi, di Jinjang sekarang, Jalan Kepong itu luas dah, salah satu jalan yang terbesar di Kuala Lumpur.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tetapi, di tepi itu, di tempat kawasan-kawasan kosong itu kadangkala digunakan oleh penjaja-penjaja dan ada juga, saya ada membuat bantahan pada tahun yang lepas kerana di satu tempat, tempat-tempat kosong itu digunakan untuk mencuci kereta. Masih ada lagi sekarang ini, tempat mencuci kereta. Saya pun hairan juga, kita hendak tanam, kita hendak jadikan ia bersih, hendak mencantikkan dan mengindahkan kota dan kemudian kawasan kosong digunakan untuk mencuci kereta, apa maksudnya? Mungkin mencuci kereta menjadi indah, mungkin maksudnya begitu.

Tuan Pengerusi: Kalau kereta tak indah pun tak elok juga. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi, Tuan Pengerusi, ia menggunakan kawasan lapang untuk mencuci kereta, itu tidak manislah.

Tuan Pengerusi: Hendak cuci di mana kalau tidak di tempat lapang? [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Di tempat yang lain Tuan Pengerusi. Kita hendak menanam pokok yang cantik, kayu manis hendak ditanam, ada yang cadang hendak tanam Tongkat Ali, [*Ketawa*] Tongkat Ali tidak cantik, Tuan Pengerusi. Saya nampak tak cantik.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat kita mengambil kira semua kawasan lapang, bukan sahaja di Kuala Lumpur, di semua bandar, jangan

kita biarkan digunakan untuk aktiviti yang lain, kita indahkan bukan sahaja kerana menanam pokok lanskap dan sebagainya supaya kita sama-sama boleh menikmati keindahan bandar kita.

Tuan Pengerusi, dari segi keindahan ini saya nampak ada usaha daripada pihak kerajaan untuk membersihkan setengah-setengah tempat terutamanya di mana ada penjaja-penjaja, di Kuala Lumpur ada banyak penjaja di tepi jalan dan di tempat-tempat kosong dan saya berharap pihak DBKL dapat menempatkan mereka semula dan semua kawasan ini dapat dibersihkan bukan sahaja untuk Sukom kerana saya nampak di dalam rancangan dalam satu tahun ini kita hendak mengindahkan kawasan-kawasan di tepi jalan sahaja ataupun dekat dengan stadium sahaja, itu memang tidak cukup, Tuan Pengerusi, kita mesti pergi ke tempat-tempat lain juga supaya semua Kuala Lumpur itu cantik.

Ada cantik juga sekarang ini, kita nampak di tiang-tiang elektrik ada ditanam dengan pokok sekarang ini, ya ada, orkid pun ada, di Lebuhraya Persekutuan kita nampak cantik sedikit, ada pokok-pokok dan di tiang-tiang elektrik sekarang ini pun ada yang hijau, yang cantik, itu baik dan saya sedaplah menyaksikan keindahan seumpama ini.

Walau bagaimanapun, bukan setakat jalan ke stadium sahajalah termasuk walaupun Kepong Baru tidak dekat dengan stadium pun kita cantikkan juga. Mana tahu, ada ahli-ahli sukan ataupun pelancong-pelancong hendak pergi ke Kepong Baru juga.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bukan sahaja kita menanam pokok dan landscaping bahkan juga kita mempertingkatkan kecekapan (efficiency) penguatkuasaan, sebab walaupun di Kuala Lumpur kita ada lebih 1,000 ahli direktorat penguatkuasaan, tetapi saya nampak kecekapan itu tidak begitu ketara dan sebab itulah saya mencadangkan supaya kecekapan penguatkuasaan ini dipertingkatkan supaya kita dapat sama-sama menjadikan satu bandar di dalam taman. Sebab di dalam tujuh tahun lagi kita hendak melihat semua bandar di Malaysia ada di dalam taman. Saya bersetujulah konsep itu, tetapi kalau kita hendak mencapai matlamat itu, penguatkuasaan adalah yang terpenting sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mas, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.22 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbahasan di dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Maksud

B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sepertimana yang dikatakan oleh ramai rakan kita tadi, saya ingin bertanya di sini yang RM3.525 juta yang dikehendaki untuk melaksanakan kerja-kerja kecantikan bandar bagi enam buah pihak berkuasa tempatan, ada kemungkinan besar ini adalah majlis perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan di Selangor kerana Sukan Komanwel adalah di sini.

Walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan, kita bersetuju cara seperti begini adalah satu yang baik dan kita berharap sebelum Sukan Komanwel 1998, ia dapat betul-betul kawasan persekitaran dengan izin, the 'Game Village', betul-betul dapat mencerminkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang ingin ada cita-cita seperti rakan saya katakan tadi pada masa akan datang, dengan izin, to create garden city ataupun garden city for the future.

Tetapi saya ingin minta sedikit penjelasan mengenai perkara ini, mengenai kecantikan bandar ini saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang oleh kerana ada firma-firma ataupun syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bumiputera kemungkinan di seluruh negara mungkin di Sarawak juga ada, yang ada minat melibatkan diri, menceburi diri dalam bidang ini oleh kerana pekerjaan landscaping ini mudah diusahakan, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang untuk mewajibkan semua majlis perbandaran di seluruh negara untuk mengagihkan kontrak landscaping untuk syarikat-syarikat bumiputera. Oleh kerana setiap tahun saya rasa memang ada peruntukan khas untuk mencantikkan bandar-bandar.

Yang kedua, saya ingin bangkitkan di sini iaitu satu perkara yang biasa, walaupun sekarang ini kita ingin supaya semua bandar di seluruh Malaysia betul-betul cantik dan kita mengalu-alukan cadangan kerajaan setiap tahun mengadakan pertandingan keindahan dan kecantikan majlis perbandaran dan di kawasan saya kita bersetuju betul oleh kerana misal kata Lawas setiap tahun menjadi johan di negeri Sarawak.

Tetapi yang saya ingin bertanya di sini, menjelang ataupun sebelum Sukan Komanwel 1998, adakah kementerian bercadang supaya bandar-bandar yang ada kemungkinan para atlet daripada luar negara akan melawat sewaktu ataupun selepas Sukan Komanwel ini betul-betul dapat mengambil perhatian supaya dapat menjaga kebersihan dan kecantikan bandar tersebut. Misal kata bandar

Melaka, Pulau Pinang, Kota Kinabalu mungkin Kuching dan pekan-pekan kecil di seluruh jalan raya menuju ke bandar-bandar tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan, saya pernah perhatikan baik di Sabah dan Sarawak juga ada bandar-bandar kecil, mungkin pegawai yang terlibat langsung dalam majlis perbandaran tersebut mungkin mengambil perkara ini seperti perkara biasa. Misal kata, satu rumah kedai empat tingkat sebelah dicat dengan cat hijau dan sebelah dengan cat merah. Perkara seperti ini selalu berlaku.

Apakah salahnya misal kata, kementerian mencadangkan supaya sekiranya satu cat yang dipakai untuk kawasan ini dan kawasan satu cat yang dipakai. Kalau kita tidak seragamkan untuk mencantikkan bandar atau pekan itu, kadangkala kadang itu mengikut perasaan seseorang itu dan itulah cadangan saya misal kata di Lawas dalam kawasan saya Bukit Mas, kita cadangkan semua kedai-kedai sebelah sini mesti dicat dengan satu warna cat, macam itu barulah kalau orang melihat senang sekali betul-betul cantik. Itulah sebabnya Lawas setiap tahun dalam tiga tahun berturut-turut menang jadi johan di negeri Sarawak peringkat nasional dapat nombor dua dalam keindahan dan kecantikan.

Yang saya ingin cadangkan sekali lagi di sini iaitu saudara rakan saya di sebelah sana Kepong tadi membangkitkan perkara ini dan saya juga ingin membangkitkan kawasan yang lapang di kawasan-kawasan bandar. Di negara-negara lain seperti mungkin di United Kingdom ataupun di London di setiap petang kita melihat mungkin ada banyak orang yang berkumpul di satu kawasan, mungkin dengan izin, to unwind, Tuan Pengerusi, tetapi di Kuala Lumpur ataupun di bandar-bandar kita di negara ini saya ingin bertanya adakah cadangan kementerian untuk menubuhkan misal kata satu bandar dua, tiga kawasan yang penting, yang ada kaitan dengan sejarah dan kita betul-betul menjaga kawasan tersebut. Misal kata saya hanya dua kali pergi ke London saya betul-betul tertarik oleh kerana satu, dua kawasan lapang di tengah-tengah ibu kota London, banyak orang yang pergi ke sana duduk sahaja, mungkin, they are dreaming, dengan izin, tetapi kita juga perlu kawasan seperti ini di Kuala Lumpur ataupun di bandar-bandar yang lain.

Di Kuching dan di Sarawak kita berterima kasih, kerajaan negeri mementingkan kawasan seperti begini dan supaya kawasan-kawasan lapang dapat dijaga dan dibersihkan dan saya juga ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian bercadang

sebelum ataupun menjelang Sukan Komanwel 1998, semua kawasan perhentian bas di Kuala Lumpur dapat dihiaskan kalau boleh saya mencadangkan majlis perbandaran ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setiap perhentian bas kita dihiaskan dengan bunga, dengan izin, flower pot, bukan lama Tuan Pengerusi, mungkin satu minggu sahaja Sukan Komanwel. Kita cuba berusaha supaya Kuala Lumpur ataupun negara kita betul-betul dapat mengharumi, bukan sahaja sebagai host tetapi dengan keadaan persekitaran yang begitu indah dan cantik.

Dan akhir sekali, memang kita faham tentang perbelanjaan RM3.5 juta ini, kita juga ingin bertanya di sini di dalam perancangan pada masa hadapan adakah kementerian bercadang untuk, misal kata di kawasan perbandaran yang selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong baik daripada luar negara dan daripada negara kita - domestic visitors, dengan izin - adakah kementerian bercadang untuk menambah peruntukan untuk majlis perbandaran tersebut. Misal kata, kawasan saya Bukit Mas di Limbang, selalu tiap-tiap hujung minggu banyak orang daripada negara jiran iaitu negara Brunei Darussalam mengunjungi bandar Limbang dan sekiranya kita memperuntukkan perbelanjaan mengikut pengiraan penduduk mungkin tidak begitu sesuai. Saya minta penjelasan daripada kementerian, kalau boleh tambahlah peruntukan untuk Majlis Perbandaran Limbang supaya dapat mengindahkan dan membinakan kawasan lapang yang boleh dikunjungi oleh pelancong tempatan dan daripada luar.

Sekian sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Minta kementerian menjawab ya.

5.31 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membawa banyak perkara bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kerajaan-kerajaan tempatan yang diperuntukkan wang RM3.525 juta ini ialah Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Shah Alam, Kajang, Subang Jaya, Majlis Daerah Sepang dan Langkawi. Kesemua perbelanjaan adalah untuk pembelian peralatan seperti lori-lori, iaitu lori pencuci sampah, lori angkut sampah. Kalau saya sebutkan satu persatu mungkin panjang sangat tetapi memadailah

di sini sahaja. Antara peralatan lain ialah tong-tong sampah. Bermakna peruntukan ini tidak langsung ada kaitan dengan perbelanjaan mengindahkan bandar secara landscaping, penanaman pokok dan sebagainya.

Sebenarnya soal landscaping atau penanaman pokok adalah dalam peruntukan perbelanjaan yang lain, yang mana kempen penanaman pokok telah pun dimulakan oleh Perdana Menteri dalam tahun 1996. Dalam tahun 2000 rakyat di seluruh negara diandaikan menanam sebanyak 3 juta pokok. Kalau lebih lagi baik. Peruntukan yang diagihkan adalah juga bagi pokok-pokok yang meneduhkan dan juga pokok-pokok yang mengindahkan kawasan. Oleh kerana banyak di antara Yang Berhormat telah menyentuh soal keindahan bandar dari segi landscaping, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong, satu persatu dahulu.

Mengenai kawasan-kawasan lapang yang digunakan bagi mencuci kereta dan sebagainya, sebenarnya bukan soal mencuci kereta yang menjadi masalah. Kalau kawasan cuci kereta itu disulamkan dengan pokok-pokok yang cantik, kawasan itu (walaupun digunakan untuk mencuci kereta) akan nampak cantik, tetapi kalau persekitarannya tidak cantik, apa sahaja kerja yang dibuat tidak akan nampak cantik. Begitu juga dengan kawasan-kawasan lapang yang digunakan untuk gerai-gerai, kalau gerai itu dijagai dengan baik dan dibina dengan reka bentuk yang baik serta ditanam dengan pokok-pokok yang indah, maka gerai atau kawasan lapang itu juga akan nampak baik.

Yang Berhormat dari Bukit Mas menyentuh mengenai rumah-rumah, bangunan-bangunan yang dicat dengan cat warna yang berlainan (yang menjolok mata) yang tidak indah dipandang. Ini saya amat bersetuju sekali. Sebenarnya ini adalah di bawah bidang kuasa majlis-majlis tempatan untuk menentukan cara untuk mengindahkan suasana dan warna tempatan. Kementerian hanya dapat menggalakkan, bukan sahaja dari segi warna, bahkan dari segi reka bentuk bangunan-bangunan. Umpamanya di kawasan yang mempunyai bangunan-bangunan 'heritage' yang dibina dari zaman "colonial" dahulu, dengan reka bentuk yang 'antik'. Tetapi apabila ada tanah-tanah lapang untuk dibina bangunan-bangunan baru reka bentuknya sudah berlainan reka bentuk yang ada di persekitaran. Maka ini sudah pasti akan menghasilkan satu pemandangan yang tidak baik dan menarik. Maka majlis-majlis tempatan

digalakkan agar semua bangunan-bangunan baru wajar dibina dengan reka bentuk (ataupun 'fasad') yang bersesuaian dengan reka bentuk yang lama.

Banyak sangat saya tulis tadi, mana dia. *[Menyemak]* Ini ada lagi maklumat. *[Diserah oleh Bentara Dewan]* Dalam menghadapi Sukom 1998, kerajaan memberi tekanan kepada pengindahan kawasan-kawasan (bandar-bandar) yang akan menjadi tuan rumah kepada pertandingan-pertandingan seperti di Kuala Lumpur, di sekitar negeri Selangor dan juga di Langkawi. Di sinilah dianggarkan banyak pelancong akan tertumpu, bukan sahaja mereka yang mengambil bahagian dalam sukan, bahkan penyokong-penyokong dan pemerhati. Maka, di sinilah kita inginkan suasana persekitaran diperindahkan supaya nampak lebih cantik dan selesa. Jadi, kerajaan bukan sahaja memberi peruntukan tambahan RM3.2 juta seperti yang disebutkan tadi bagi tujuan membeli peralatan, bahkan juga menguntukkan RM2.8 diperuntukkan yang dulu bagi mempertingkatkan kualiti tandas-tandas awam dan membina tandas-tandas yang baru, yang bersesuaian dengan kehendak awam.

Yang Berhormat dari Tuaran bertanya kenapakah ditanam pokok, walhal rumput tidak dipotong. Ini sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Kalau Yang Berhormat berada di tempat yang berkenaan, bolehlah membawa sendiri perkara ini kepada majlis yang berkenaan. Tetapi kalau Yang Berhormat minta ditambah 'street lighting' dan sebagainya, ini mungkin perlu diminta oleh pihak berkuasa tempatan peruntukan-peruntukan tambahan dari kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan. Saya tidak tahu sama ada peruntukan itu sudah ada atau tidak ada, tetapi kalaulah permintaan itu mempunyai alasan-alasan yang kukuh, maka saya rasa pihak-pihak atasan tidak keberatan memberi pertimbangan dan sebagainya.

Jadi, walaupun saya bercakap panjang dari segi landscaping, sebenarnya peruntukan yang RM3.52 juta ini tidak ada kaitan dengan landscaping. Hanya untuk membeli peralatan tetapi oleh kerana banyak Yang Berhormat di sini yang begitu prihatin dan mengambil berat.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya bila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab macam itu, saya pun rasa malu juga bercakap banyak fasal landscaping. Saya hendak

tanya sebab kita berpandukan kepada kertas yang diedarkan di hadapan kita. Di sini, "Tambahan sebanyak RM3.5 juta ini adalah dikehendaki untuk melaksanakan kerja-kerja kecantikan bandar". Jadi, saya rasa kalau apa yang dibahaskan ini agak menyeleweng daripada apa yang dinyatakan di sini, kita harap yang akan datang mesti spesifik. Ini tadi, kena tulis "alat-alat peralatan", jadi kita fahamlah apa yang patut kita bahaskan. Jadi, itu sebab kita tengok semua bercakap fasal landscaping sebab kita hendak memberi cadangan untuk mencantikkan bandar. Jadi, kalau saya tahu alat-alat peralatan, kita pun hendak memberi cadangan-cadangan yang sejajar dan selari dengan apa yang diperuntukkan. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya peralatan ini juga ialah bertujuan untuk mencantikkan bandar, kalau tidak bersih ia akan bersihkan, apabila sudah bersih maka suasana alam sekitarnya akan nampak lebih cantik. Bagaimana pun saya terima cadangan Yang Berhormat tadi bahawa perkataan yang digunakan itu patut bersesuaian dengan permohonan.

Saya hendak menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pertamanya mengenai Sijil Kedudukan Sementara ataupun CF sementara - mana dia, tidak adakah? - yang dibawa berkali-kali. Sebenarnya kita telah memberi arahan bahawa bangunan-bangunan yang boleh diduduki (oleh kerana rumah-rumah dan mungkin bangunan-bangunan yang dibina sudah boleh digunakan) hanya menunggu beberapa aspek yang tidak begitu ketara sahaja untuk disiapkan. Maka untuk membolehkan peminjam (perumahan) supaya tidak kerugian, maka mereka dibenarkan menduduki rumah dengan syarat pemaju diberi sijil sementara, dengan syarat pemaju hendaklah membayar deposit ataupun wang cagaran yang secukup sama ada secara bank guarantee ataupun dengan wang tunai. Dari segi matlamatnya ini adalah untuk membantu, menolong dan memudahkan pembeli-pembeli. Juga apabila pemaju itu gagal menyiapkan perkara-perkara yang sepatutnya disiapkan, maka wang cagaran itu akan digunakan bagi menyiapkan perkara-perkara yang tidak disiapkan.

Dari segi rungutan Yang Berhormat mengenai wakil-wakil dalam majlis tempatan yang katanya tidak 'accountable', yang katanya tidak dipilih oleh rakyat, saya hendak memberi maklum kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan yang dipilih oleh rakyat adalah 'accountable'. Kerajaan seluruhnya yang

dipilih itu 'accountable'. Kalau di satu-satu negeri itu, Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih, ia bermakna semua bandar adalah di bawah negeri yang sama, maka Kerajaan Barisan Nasional adalah bertanggungjawab dalam apa sahaja yang berlaku dalam bandar-bandar di dalam negeri berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Dato' Azmi bin Khalid: Okay, bagi chance. [*Ketawa*]

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa saya pun percaya Yang Berhormat menghormati prinsip akauntabiliti. Itu sebab Yang Berhormat menjawab teguran-teguran Ahli-ahli Parlimen tetapi di sini apabila kerajaan tempatan, ahli-ahli mereka tidak dipilih, saya rasa macam mana kita boleh menghormati prinsip demokrasi dan akauntabiliti kerana mereka tidak perlu jawab langsung, kalau kita melihat mesyuarat majlis kerajaan tempatan, itu hanya wayang sahaja, tidak sebenarnya mencerminkan demokrasi dan kalau kita lihat aliran dunia ialah demokrasi bermula dari peringkat akar umbi termasuk di negeri China. Kalau Yang Berhormat tahu bahawa sekarang ada pilihan raya tetapi di peringkat akar umbi sahaja, dengan izin, everything begins at the grass root - kesemuanya bermula dari akar umbi tetapi di Malaysia nampaknya terbalik, akar umbi tidak ada. Itu sebab kita boleh melihat kesannya apabila mereka memberikan perkhidmatan yang amat teruk sekali - sampah sarap berlonggok, longkang tersumbat, jalan berlubang-lubang - ini adalah satu hakikat. Saya tidak perlu berikan contoh, saya ingat Yang Berhormat tahu, lihat dalam kawasan sendiri pun sudah jelas.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat ini hendak membawa soal teori daripada segi pembentukan kerajaan tempatan. Memang kalau diambil dari sejarah pun, negara-negara yang maju apabila mereka mula dahulu mereka tidak ada pemilihan dalam kerajaan tempatan. Hanya apabila mereka telah maju, baru mereka mengenakan syarat-syarat. England dahulu pada masa mula-mula "Magna Carta" yang menurunkan kuasa raja kepada rakyat (kepada Parlimen) kononnya ada Parlimen pada masa itu memang Parlimen tidak ada kuasa, Raja berkuasa - dalam tahun 1621kah atau 1624 saya tidak ingat.

Bermulanya dahulu kalau hendak ikut dari sejarah. Tetapi bilakah rakyat di kawasan pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan dibenarkan memilih wakil-wakil, dalam peringkat yang amat lewat! Kita

dalam proses pembangunan, we are just developing, kita tidak mahu politicking itu 24 jam terus sampai ke akar umbi. Bilakah kita hendak membangunkan negara? Kita tidak ada masa untuk berpolitik sampai ke bawah. Dahulu kita pernah berpolitik sampai memilih ahli-ahli majlis tempatan di Pulau Pinang, lihat apa yang berlaku di Pulau Pinang? Pulau Pinang tidak membangun pada masa itu, tidak sebersih mana seperti di bawah British dahulu.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pihak pembangkang membangkitkan soal pemilihan di peringkat majlis daerah. Dalam negara kita sekarang di Kelantan misalnya, diperintah oleh pembangkang, PAS juga, mereka tidak mengadakan pilihan raya untuk melantik ahli majlis daerah tetapi kuasa mutlak diberikan kepada kerajaan negeri untuk membangun. Tidakkah ini double standard pembangkang? Di tempat lain dia minta supaya ianya dilantik secara demokrasi dipilih, tetapi di Kelantan pembangkang juga menguasai tetapi dilantik secara mutlak, tidak ada juga pilihan raya majlis daerah di sana.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya bersetuju kalau di Kelantan pun sekarang dia memerintah, dia tidak memberi kuasa mutlak, dia tidak beri memilih kuasa pihak berkuasa tempatan.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Dato' Azmi bin Khalid: Ada lagikah? Okay, beri chance sekali lagilah kepada Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat dari Machang suka main dua lagu, rentaknya tak lain, tetapi tak apa, saya rasa itu hak dia. Masa dahulu dia cakap dan masa sekarang berlainan sangatlah.....

Tuan Michael Lisa Kaya: Mesti hendak perubahan.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya rasa kalau kita cakap dari segi prinsip, kita setuju, ia harus dijadikan contoh di mana pemilihan boleh dijalankan kerana kita tidak ada kaitan dengan kerajaan PAS,

tetapi kita pun akan buat saranan yang sama. Kalau boleh, adakan pemilihan dari segi akar umbi, termasuk kerajaan tempatan tetapi ini adalah satu undang-undang yang digubal oleh pihak Kerajaan Pusat kerana dalam tahun 60-an ia dibenarkan sebelum ia diharamkan oleh Kerajaan Pusat. Di sini kita hendak meminta bahawa ia dipulihkan kerana kalau tidak, tidak ada akauntabiliti langsung dalam peringkat kerajaan tempatan amat susah sekali. Kalau Kerajaan Barisan Nasional menjadi kerajaan, mereka tetap akan menang juga, mengapa takut sangat? Takut memberikan akauntabiliti, itu yang menjadi masalah.

Dato' Azmi bin Khalid: Dari segi soal akauntabiliti, saya sudah sebut, Kerajaan Barisan Nasional sudah 40 tahun memerintah. Dalam 40 tahun kita memerintah, kita maju dari satu tingkat ke satu tingkat, daripada per kapita income yang begitu rendah, sebagai "a poor state, a poor country", kita sekarang menjadi negara yang ke-17 atau ke-19 yang terbanyak, terbesar berniaga di dunia. Ini adalah kejayaan Barisan Nasional [Tepuk] dan kredibiliti akauntabilitinya juga termasuk di dalam semua yang kita telah tercapai. Kalau tidak ada kredibiliti, pelabur asing tidak akan percaya kepada kita, rakyat tidak akan memilih kita berterusan tetapi DAP yang menang besar dalam tahun 1990 di Pulau Pinang kenapa dia ditewaskan begitu hebat dalam tahun 1995 kalau kredibilitinya terlalu tinggi. [Tepuk]

Jadi, saya tidak mahu bercakap panjang mengenai politik, Yang Berhormat, oleh kerana banyak lagi yang hendak dijawabkan.

Dari segi kenapa sebuah rumah murah yang dikenakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) bayaran pembetulan sebanyak lebih dari RM2, saya ingin memaklumkan bahawa bagi rumah murah bayarannya ialah RM2 sebulan tetapi kalau ada bayaran yang lebih, saya minta (hendak) teliti dahulu bilnya, (resitnya) sebelum saya memberi komen.

Tuan Pengerusi, saya ingat itu sahaja. Terima kasih banyak kepada semua Yang Berhormat yang telah membangkitkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,525,000 untuk Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,525,000 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, lazimnya jikalau sekiranya 'token' tidak payah dibahaskan kerana.....

Tuan Noh bin Omar: Saya bangun sebab hendak tanya sama ada boleh atau tidak boleh?

Tuan Pengerusi: Tidak bolehlah. *[Ketawa]* Bukan tidak boleh, dengan kerana duit dia tak beri, hanya diberi RM10 as token, apa yang hendak dibahaskan? *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1997.

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.22 dan P.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ya, Kubang Kerian. -

5.53 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kenapa wang RM10 juta lebih ini dipohon kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan? Kenapa tidak dipohon kepada Kementerian Belia dan Sukan? Sekarang ini sejauh mana pertandingan Formula One boleh menambahkan ataupun meningkatkan kebudayaan dan kesenian di Malaysia? Mungkin yang ketiganya, iaitu pelancongan boleh dikatakan dengan pertandingan Formula One bertaraf dunia ada

pelancong datang, tetapi di sudut kebudayaan dan kesenian di mana logiknya kementerian ini yang membiayai pertandingan ini?

Hari itu Menteri Belia dan Sukan telah merungut iaitu badan-badan sukan ini kadangkalanya pergi ke luar negeri berjanji untuk membawa sukan-sukan bertaraf dunia ke sini tetapi bila mereka terlekat dari segi pembiayaan, akhirnya dipohon kepada kerajaan, maka kerajaanlah akhirnya kena menanggung pertandingan seperti ini yang kita nampak faedah di sudut umumnya tidak begitu banyak kepada masyarakat. Adakah kerana mereka yang duduk dalam persatuan lumba motosikal ini bermasalah, berkelahi dan sebagainya, akhirnya mereka tidak dapat mencari wang untuk membiayai pasukan lumba kereta Formula One ini, akhirnya mereka memohon wang kepada kerajaan, akhirnya wang rakyat dibebankan dengan kehendak beberapa orang pelobi-pelobi sukan yang kita lihat mereka ini pergi ke luar negeri berjanji mereka mampu, syarikat ini akan taja, syarikat itu akan taja, tetapi sekarang bila berlaku sedikit kemelesetan misalnya, maka dipohon kepada kerajaan, maka kerajaan kena pikul.

Saya tidak tahu faedah pertandingan Formula One secara keseluruhannya di sudut menarik pelancong ke Malaysia ini, sebab kita lihat selalunya pertandingan-pertandingan seperti ini, syarikat-syarikat swasta yang membiayai di luar negeri tetapi sekarang ini kita lihat melibatkan wang kerajaan. Jadi, saya ingin minta penjelasan pihak kementerian kenapa kementerian ini terpaksa membiayai wang sebanyak ini. Ini permulaan, barangkali ada lagi yang dipohon selepas ini sedangkan peringkat awalnya mereka boleh melaksanakan pertandingan ini cara pembiayaan daripada swasta.

Dalam Maksud P.22, lagi kita lihat RM3,600,000 dikehendaki untuk projek bekalan air di Pulau Redang, kenapa di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan? Sepatutnya di bawah Kementerian Kerja Raya, tetapi kenapa dipohon kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedangkan kita tahu Pulau Redang ini yang menikmati hasilnya nanti ialah Vincent Tan yang mendapat anugerah tanah lebih daripada 600 ekar dengan harga yang begitu murah dan keuntungan yang dilaporkan begitu berjuta-juta. Kenapa tidak minta sahaja kepada Vincent Tan untuk menyediakan infrastruktur sebab ini di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Selalunya kita lihat infrastruktur disediakan oleh kerajaan, yang mengaut keuntungan ialah syarikat-syarikat. Bagi nelayan-nelayan yang

duduk di Pulau Redang ini mereka perlukan jalan dan sebagainya, itu di bawah Kerajaan Negeri Terengganu dan JKR boleh menyediakan kepada mereka. Apa perlu daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk tarik pelancong dibelanjakan RM3 juta sedangkan pelancongan ini akan tertumpu faedah umumnya bukan sangat kepada nelayan tetapi kepada motel-motel, hotel-hotel yang disediakan oleh Vincent Tan.

Jadi, kebelakangan ini kita nampak kerajaan begitu tunduk kepada kehendak tauke-tauke ini, hendak - boleh, hendak - boleh, begitu mudah wang kerajaan tetapi kalau pegawai kerajaan minta gaji, cukup payah untuk naik, sampai terpaksa buat piket dan sebagainya. Tetapi saya rasa ini tekanan-tekanan daripada tauke-tauke yang kita lihat mereka mahu infrastruktur yang baik untuk memajukan perniagaan mereka, akhirnya kerajaan kena keluar belanja. Jadi, saya minta pihak kerajaan menjawab persoalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

5.57 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyambung apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian iaitu mengenai masalah Maksud B.22.

Di sini saya hendak tahu apakah manfaat daripada perbelanjaan RM10.5 juta untuk lumba kereta Formula One kerana saya rasa ini adalah satu sukan untuk golongan mewah atau golongan kaya. Saya tidak lihat apakah faedah yang kerajaan atau negara boleh memperolehi daripada membayar iklan itu dalam pertandingan kereta Formula One, malah saya rasa negara-negara lain di rantau Asean pun tidak berbuat demikian. Kalau ini adalah satu cadangan yang baik, saya rasa ia pun akan dilakukan oleh negara-negara rantau Asean jauh lebih awal lagi. Saya tidak lihat sebarang pulangan daripada perbelanjaan satu jumlah yang agak besar iaitu RM10.5 juta ini.

Di samping itu, saya hendak bertanya apakah dorongan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pelaburan ini. Apakah dorongan utama pihak kerajaan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan minat dan galakan secara peribadi ke atas perbelanjaan RM10.5 juta ini kerana seperti yang saya rasa ramai rakyat tidak berapa faham dengan tujuan dan juga rasional perbelanjaan wang yang sebegitu besar. Bukankah kalau jumlah wang ini digunakan untuk menjadikan Bandaraya Melaka sebagai sebuah Bandaraya

Warisan Bersejarah di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu, saya rasa ia akan lebih berhasil. Setakat ini saya rasa tidak ada satu pun kota ataupun bandar di Malaysia yang boleh mendapat gelaran Bandaraya Warisan.

Di sini saya ingin tahu apakah terjadi kepada permohonan negeri Melaka untuk menjadi Bandaraya Warisan dan apakah sebab permohonan mereka ditolak? Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian supaya kita boleh berbangga dengan sekurang-kurangnya satu bandar raya yang digelar sebagai Bandaraya Warisan atau Heritage City, gelaran yang diberikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu kerana ia bukan sahaja dari segi kebanggaan kepada rakyat kita tetapi juga sebagai satu pengakuan atas sumbangan Melaka dan juga Malaysia kepada sejarah di rantau Asean. Dan faedah-faedah sampingan yang akan dinikmati oleh rakyat Malaysia ialah dari segi pelancongan yang akan lebih berminat datang ke Malaysia dan Melaka kalau mereka tahu ada wujudnya sebuah bandaraya warisan sedemikian. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

6.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita hanya ada tiga kementerian sahaja boleh dibahas. Ini bermakna kita ada banyak masa, yang mana kita ada satu hari lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan bangkitkan masalah Formula One, Tuan Pengerusi. Setakat ini negara kita berminat di dalam dua pasukan, iaitu satunya Steward Ford Grand Prix, yang keduanya Red-Bull Sauber pasukan Grand Prix. Saya diberitahu bahawa kita pun ada satu memorandum persefahaman dengan Steward Ford Grand Prix untuk memaparkan bendera Malaysia. Dipercayai bahawa kalau kita boleh memaparkan bendera Malaysia di sisi, di belakang ataupun di depan kereta itu, ini menjadi satu media publisiti bagi Malaysia untuk mengemukakan nama 'Malaysia'. Saya tidak bantahlah hendak mengemukakan keharuman nama 'Malaysia' itu baik. Tetapi di dalam satu pasukan lumpa kereta ini seperti Steward Ford, perbelanjaan setahun mungkin RM84 juta ataupun RM90 juta.

Saya hendak menanya Yang Berhormat, apakah sumbangan Malaysia ke atas kos perlumbaan ini?

Sebelum ini pun pada sesi yang lepas kita sudah minta satu peruntukan. Kemudian, sekarang lebih RMOne0 juta. Sebenarnya berapa juta ringgit hendak kita sumbangkan, hendak memaparkan bendera Malaysia ini. Kerana dipercayai bahawa setiap tahun mungkin ada lebih 6 bilion penonton yang boleh menyaksikan bendera Malaysia. Setiap perlumbaan mungkin ada 300 atau 400 juta penonton, kalau itu boleh dicapai mungkin kita dapat faedah. Walau bagaimanapun, sebelum kita menyertai pasukan lumba kereta Formula One ini, nama Malaysia pun keharumannya itu dengan perlahan-lahan sudah menjadi lebih perhatian daripada dunia.

Baru-baru ini saya ada baca satu buku novel, iaitu *'Taylor from Panama'* oleh Le Carey, novalist yang popular. Di dalamnya disebutkan 'Kuala Lumpur' dan ada disebutkan 'Malaysia'. Kalau lima tahun yang lepas bila kita baca buku susah didapati. Cuma ada 'Singapura', 'Hong Kong', itu ada. Tetapi sekarang dengan perlahan-lahan kita dapat baca di dalam buku popular ini nama 'Malaysia'. Ini menunjukkan orang Malaysia pun termasuk dari Kubang Kerian pun dapat perhatian orang. [Ketawa] Bolehkah Yang Berhormat menyatakan kos yang sebenarnya akan ditampung, sama ada di dalam sesi depan kita akan minta bekalan tambahan lagi untuk maksud ini. Adakah pihak kerajaan akan menyertai pasukan Red-Bull Sauber juga yang sudah pun disertai oleh pihak Petronas, sebab kita ada dua pasukan sekarang.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Pengerusi kita mesti memastikan semua usaha untuk mempopularkan Malaysia ini dapat dijalankan dengan baik. Tambah pula mungkin salah satu sebab kita menyertai pasukan ini ialah kerana kita hendak adakan satu gelanggang sendiri di Sepang untuk Grand Prix. Kalau itulah maksud kita, setakat mana dapat kita menjayakan projek gelanggang Formula One ini di Sepang?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai projek bekalan air Pulau Redang, Terengganu. Memang kita hendak menyaksikan Pulau Redang ini benar-benar mempunyai kemudahan yang cukup bagi pelancong. Mungkin itulah maksud untuk pelancong. Oleh sebab ini untuk pelancong, bolehkah Yang Berhormat menerangkan daripada mana kita dapat air untuk pulau itu? Adakah ini melalui paip-paip daripada tanah besar, dan apakah sebenarnya kos untuk projek yang besar ini.

Dengan adanya projek ini, apakah akan terjadi, kerana bila kita kerja, ada paip-paip dan sebagainya melalui laut, adakah di sekelilingnya hidupan liar dan sebagainya, coral di sekitarnya? Saya diberitahu bahawa dengan projek-projek yang dijalankan oleh pihak pemaju, termasuk projek bekalan air, alam sekitar sudah terjejas. Karang-karang sebahagiannya mati. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan dengan adanya projek seumpama ini kita boleh jaga alam sekitar. Kalau alam sekitar, termasuk karang-karang dan hidupan liar di sekitar pulau ini tidak boleh hidup lagi, maka kita tidak boleh dapat pelancong lagi, kerana mereka datang bukan sahaja hendak rehat, rekreasi, bahkan hendak menyaksikan alam sekitar yang indah. Bolehkah kita menentukan semua keindahan alam sekitar dapat dipelihara dengan sebenarnya? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

6.08 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan Maksud B.22, saya rasa RM10 juta itu adalah macam wang untuk pengiklanan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia. Pada masa ini saya rasa duit yang dibelanjakan itu adalah untuk manfaat satu-dua pasukan lumba kereta Formula One sahaja. Yang mendapat manfaat itu katakanlah lebih kurang 20 orang pasukan-pasukan itu. Tetapi yang penting masalah pokok di belakang itu adalah menjual iklan untuk nama 'Malaysia' dalam industri kereta lumba. Pada hal EON sudah membeli Syarikat Lotus daripada UK. EON sebenarnya mesti membuat sumbangan kepada peruntukan ini, kerana akhirnya kereta lumba yang dibuat oleh EON akan diedarkan dan dijual di Asia Tenggara ataupun di kawasan Asia.

Sebenarnya wang pengiklanan itu mesti datangnya daripada industri pembuat kereta, khasnya EON. Saya rasa pada masa sekarang kereta yang dibuat oleh EON ini, iaitu Proton Saga, Proton Iswara, Proton Wira, Proton Perdana semua itu adalah berharga tinggi berbanding dengan barang-barangan lain di Malaysia ini berbanding dengan rumah dan sebagainya. Katakan sebuah kereta Proton Perdana yang automatik sudah dijual pada harga lebih daripada RM90,000 ataupun dekat-dekat RMOne00,000. Bolehkah saya di sini minta kerajaan supaya tetapkan harga-harga yang lebih sesuai untuk kereta-kereta buatan Malaysia ini supaya lebih ramai warganegara Malaysia boleh menikmati jenis kenderaan yang dibuat oleh Malaysia. Kalau perlu kita boleh tambahkan bahagian atau komponen-komponen buatan tempatan dan

kurangkan komponen-komponen yang diimport daripada Jepun ataupun negara-negara lain supaya mengurangkan harga kereta-kereta Proton di Malaysia ini.

Jadi, saya menyokong menggunakan wang ini untuk menjual nama ataupun mengharumkan nama negara Malaysia di industri Lumba Kereta Formula One. Tetapi pada masa yang sama saya harap sedikit faedah boleh diberikan kepada rakyat jelata yang membeli kereta-kereta Proton Saga, Proton Perdana dan sebagainya sebagai satu manfaat sampingan daripada Lumba Kereta Formula One ini. Tentunya pada masa depan Syarikat EON akan menjual kereta lumba yang dihasilkan melalui Syarikat Lotus. Pada masa yang akan datang itu Syarikat EON ini akan mendapat untung. Jadi, saya harap Syarikat EON itu boleh anggapkan duit iklan ini telah didahulukan sekarang dengan membuat sumbangan kepada peruntukan ini. Saya harap kerajaan dengan cara ini boleh menjimatkan sedikit duit untuk kemudahan-kemudahan asas yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bandau.

6.12 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sekadar ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.22 dan P.22. Di bawah B.22 sepertimana yang telah disentuh RM10.5 juta telah diperuntukkan untuk membiayai bayaran akhir penajaan pasukan Lumba Kereta Formula One. Saya sekadar ingin menyedarkan pihak kerajaan dari segi prioritas untuk membiayai acara-acara ataupun event yang bertujuan untuk menggalakkan lagi sektor pelancongan di negara kita. Misalnya, sepertimana maksud ini ialah untuk pasukan Lumba Kereta Formula One. Nampaknya, tujuan muktamad ialah supaya pengiklanan bendera kita dan negara Malaysia keseluruhan. Tetapi kalau sekadar nama negara kita, saya rasa negara kita cukup terkenal. Perdana Menteri hampir setiap minggu di luar negara untuk mengiklankan kekukuhan negara di bawah kepimpinannya. Jadi, saya rasa sekadar untuk melekatkan bendera di atas kereta-kereta laju ini tidaklah perlu sebenarnya untuk menggunakan peruntukan yang cukup besar. Lagi pun ia sekadar untuk boleh membantu golongan yang kecil di dalam perkara ini.

Jadi, saya berpendapat bahawa pihak kementerian harus mempunyai prioritas ataupun

teras ataupun tumpuan atas sektor pelancongan yang hendak diiklankan, hendak dipromosikan. Sepertimana saya melihat dasar kerajaan merealisasi daripada peringkat negeri Sabah dan Sarawak, tumpuan ialah mengiklankan negara kita sebagai satu pusat ecotourism, bukan sekadar tourism secara umum, tetapi ecotourism yang memberi penekanan kepada alam semula jadi, kepada sungai-sungai yang bersih, kepada gunung-ganang dan juga kepada sumber-sumber alam yang lain. Maka dalam perkara ini saya rasa lebih lagi effective, dengan izin, pihak kementerian menaja 'kereta 4 x 4 Safari', Borneo Safari ataupun Safari Nasional, di mana videonya dan gambarannya memberi tumpuan kepada alam semula jadi, dan dengan itu membantu kerajaan untuk mengiklankan kesenian dan kekuatan negara kita dari segi ecotourism.

Jadi, saya berharaplah kepada pihak kerajaan bahawa tumpuan dan prioritas ditekankan sesuai dengan dasar ataupun tekanan dasar pembangunan sektor pelancongan negara.

Selain daripada itu, wang sebenarnya ini cukup besar RM1.6 juta dan kalaulah digunakan untuk PPRT untuk orang miskin di Sabah, Sarawak dan di Kelantan ataupun negeri-negeri yang lebih mundur, sekadar RM100 seorang boleh membantu sejuta orang, jadi, dari segi prioritas kerajaan dan dari segi tumpuan untuk mendapatkan iklan dan sambutan di peringkat antarabangsa kepada sektor pelancongan, saya percaya pihak kementerian harus lebih spesifik dan lebih menekankan aktiviti yang sejajar dengan dasar pembangunan pelancongan.

Tuan Pengerusi, seterusnya di bawah P.22 juga di mana RM3.6 juta telah pun diperuntukkan untuk program penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan di Pulau Redang, Terengganu bagi satu projek bekalan air dan nampaknya ada juga peruntukan di bawah kementerian ini untuk pembangunan asas seperti air dan jalan raya dan seterusnya, sekadar saya mengatakan bahawa dari segi pengagihan projek seperti ini iaitu pembentukan infrastruktur asas untuk pelancongan, kita berharap bahawa sekadar ia tidak tertumpu sekali lagi kepada pusat-pusat pelancongan di sebelah Semenanjung tetapi di Sabah dan di Sarawak di mana juga cukup banyak tempat-tempat yang menarik, tetapi jalan raya belum sampai, tidak ada bekalan air, bahawa pusat-pusat seperti ini juga diberi perhatian untuk bantuan persediaan infrastruktur asas supaya pihak swasta boleh memasuki kawasan tersebut dan membangunkannya tidak semestinya pihak kerajaan yang menjalankannya.

Saya berharap juga pihak kementerian memberi makluman kepada pihak kerajaan negeri yang lain supaya mereka cukup jelas bahawa ada peruntukan seperti ini untuk pembangunan sektor pelancongan. Saya difahamkan sering kali permohonan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak terlupa dari segi bantuan Kerajaan Pusat selain daripada sekadar pengiklanan pusat-pusat yang berpotensi untuk dibangun dalam sektor pelancongan.

Tuan Pengerusi, sekadar itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong.

6.18 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Maksud B.22 mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, tambahan sebanyak RM10 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran akhir penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula One.

Soalan yang akan timbul ialah prioriti yang harus diberi oleh pihak kerajaan dalam usaha pembangunan negara sama ada penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula One prioriti yang harus diberi keutamaan dan saya pun hendak mencadangkan bahawa negara kita menjadi tuan rumah kepada satu persidangan International Anti Corruption Conference (IACC) untuk tahun 1999 oleh kerana ialah persidangan ke-9 dalam bulan September ini, negara kita akan diwakili dalam persidangan ke-8 International Anti Corruption Conference di Lima, Peru. Ini lebih mustahak, inilah menunjukkan apa yang negara kita utamakan, itu lebih penting daripada semacam Pasukan Lumba Kereta Formula One tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa pendirian yang telah dibuat oleh kerajaan ini.

Saya menimbulkan perkara ini untuk menunjukkan bahawa kita patut ada prioriti yang betul supaya kita boleh menyampaikan mesej kepada rakyat bukan sahaja rakyat tanah air kita, tetapi pun kepada dunia mengenai apa yang kita lihat dan rasa sebagai penting dan saya harap bahawa kalau kita boleh menajakan Pasukan Lumba Kereta Formula One bahawa Kabinet akan lebih prihatin mengenai cadangan mengadakan, menjadi host kepada International Anti Corruption Conference pada tahun 1999 khasnya kita dalam satu 'all out war against corruption' usaha untuk membanteras rasuah di semua tempat.

Tuan Pengerusi, kedua, mengenai program penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan untuk Pulau Redang diluluskan tambahan sebanyak

RM3.6 juta yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Apa yang saya soalkan ialah peruntukan ini di bawah peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan nampaknya keutamaan ialah pelancong-pelancong dan bukan untuk anak tempatan. Satu isu yang kerap kali berlaku yang timbul ialah mengenai kekotoran atau pollution di Pulau Redang dan khasnya mengenai environment dan under sea dan adakah apa yang kita mahu lihat ialah kerajaan lebih prihatin mengenai masalah ini dan bukan sahaja daripada segi untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada pelancong-pelancong tetapi pun supaya menjaga mutu, kualiti kehidupan penduduk-penduduk di Pulau Redang.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab dalam tajuk ini boleh memberi satu laporan mengenai keadaan kedudukan mengenai alam sekitar selepas usaha-usaha untuk memajukan pelancongan untuk menjamin bahawa tidak ada apa-apa kemajuan pelancongan akan mengorbankan quality of life penduduk-penduduk di pulau itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kinabalu. Selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.22 ptg.

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Tuan Pengerusi, saya ingin turut membahas perbelanjaan bekalan yang kedua bagi 1997 iaitu Maksud B.22.

Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dengan perlumbaan kereta Formula One oleh kerana saya dapati bahawa jumlah wang RM10 juta yang digunakan ini adalah satu jumlah yang besar. Walaupun kita di Sabah tidak berapa tahu apa yang berlaku sebenarnya dalam Formula One oleh kerana kita tidak terdedah kepada perlumbaan ini, kita juga turut berminat oleh kerana perbelanjaan wang ini adalah perbelanjaan negara.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin tahu di sini ialah nampaknya bahawa perlumbaan ini sudah dijadikan satu program yang berterusan, yang akan diadakan di negara ini. Jadi, saya ingin bertanya, kerajaan telah mengeluarkan pembayaran akhir iaitu lebih kurang RM10 juta, adakah kerajaan juga akan mempunyai komitmen berterusan untuk menaja perlumbaan ini di masa-masa yang akan datang.

Jadi, saya ingin bertanya juga di manakah komitmen syarikat-syarikat swasta yang sepatutnya lebih mengambil peranan yang lebih untuk menjayakan projek-projek seperti ini.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan, adakah Kerajaan Malaysia bertujuan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai Pusat Perlumbaan Kereta Formula Satu dan bersaing dengan negara-negara lain yang sudah lebih established dalam menjalankan program-program seperti ini.

Awal-awal tadi telah dibangkitkan bahawa kemungkinan tujuan untuk Perlumbaan Kereta Formula Satu ini adalah untuk meletakkan bendera Malaysia supaya dikenali di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, saya mempertikaikan perkara ini oleh kerana Malaysia tidaklah begitu terkenal dari segi perlumbaan kereta, negara-negara lain lebih terkenal dan mungkin wang yang sedemikian rupa boleh kita gunakan untuk projek-projek yang lebih bermanfaat seperti kejayaan baru-baru ini mendaki Gunung Everest, satu kejayaan yang kita semua berbangga dan kalau pun banyak wang yang kita pakai tetapi semua rakyat Malaysia dapat berbangga dan berterima kasih.

Tuan Pengerusi, tetapi perlumbaan kereta ini, orang-orang kampung dan di tempat-tempat yang terpencil tidak begitu tahu tentang perkara ini. Dan saya percaya juga di pihak luar negeri juga mungkin tumpuan lebih kepada perlumbaan-perlumbaan di tempat-tempat lain dan bukan di Malaysia.

Jadi, saya bersetuju dengan Ahli Parlimen dari Bandau yang mengatakan bahawa kita harus mempunyai prioriti ataupun keutamaan kita dari segi tempat-tempat yang sesuai kita menggunakan wang ini untuk mengharumkan nama Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan Ahli Parlimen Bandau bahawa nama Malaysia pada hakikatnya memang harum, memang sudah dikenali dan banyak program lain yang kita boleh gunakan untuk mengharumkan lagi nama Malaysia.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, mungkin soalan yang terpenting saya ingin tahu daripada kementerian yang berkenaan adalah jumlah wang yang mungkin akan dikeluarkan lagi sekiranya kerajaan akan komited untuk menaja perlumbaan seperti ini di masa-masa yang akan datang. Kita tahu sampai bila komitmen ini ada atau adakah inilah keutamaan oleh kementerian yang berkenaan untuk mengharumkan nama Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jawapan ya.

6.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara di bawah B.22 dan P.22.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Kota Melaka, Kepong, Bukit Mertajam, Bandau, Tanjong dan Kinabalu menekankan sebahagian besarnya kepada perbelanjaan sebanyak RM10,568,800 iaitu kos penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula One.

Dalam jawapan saya bagi menjawab soalan-soalan berkenaan dengan belanjawan tambahan dalam sesi yang lalu juga, saya membuat pengakuan atas pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa jumlah RM10.5 juta pada masa itu adalah bayaran pertama dan kita akan membuat bayaran yang kedua dan ini adalah bayaran yang kedua itu.

Tuan Pengerusi, kos semuanya adalah RM20 juta lebih. Kos ini adalah sebahagian daripada kos yang menaja kereta Steward Ford yang mengambil bahagian dalam Perlumbaan Lumba Kereta Formula One di merata dunia iaitu 16 litaran semuanya.

Kita hanya menaja, mengambil bahagian sedikit sahaja iaitu sebanyak RM20 juta dan atas tajaan itu kita diberi peluang untuk mempamerkan di bahagian depan bawah kereta itu bendera Malaysia dengan perkataannya 'Visit Malaysia' di depan bawah dan di bahagian belakang pun ada juga tanda yang sama. Tujuannya ialah apabila kereta ini mengambil bahagian kerana ianya membawa nama Jackies Steward nama yang begitu termasyhur di kalangan sukan ini, maka ramailah penonton-penonton yang ingin tahu tentang kereta ini dan setiap masa mereka memandang kereta ini, mereka akan terpancang kepada perkataan 'Malaysia' itu dan bendera Malaysia dan ada juga jemputan 'Visit Malaysia'nya di situ.

Berapa ramaikah orang yang menonton ataupun melihat kereta ini? Dalam penyertaan kereta ini di enam belas tempat di lima benua, kita anggarkan bahawa 6.3 bilion penonton TV dapat menyaksikannya dan saya tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempunyai maklumat-maklumat ini; dia begitu berpengetahuan dan disiarkan melalui 201 rangkaian TV.

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Nama 'Visit Malaysia' ini terletak di bawah, jadi apabila kereta terbalik kita tengok baru nampak. Yang kedua, macam mana kalau kereta itu terbabas semasa pertarungan pertama, jadi lima belas lagi di serata dunia itu jadi kita kerugian, adakah Malaysia dapat refund balik duit RM20 juga ini? *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih. Ya. Ada juga kebaikannya Yang Berhormat bertanya tentang soalan-soalan itu. Berkenaan dengan tanda 'Visit Malaysia' di bawah kereta itu, dia tergantung, jadi dia tidak terlekat di bawah kereta tetapi tergantung begini. *[Menunjukkan caranya]* Saya ada membawa rajahnya di sini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin tahu boleh tengok *[Menunjukkan sekeping gambarajah]* daripada side view dan daripada atas kereta itu. Di pejabat saya ada gambarnya sama, gambar dalam colour.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita tidak ada masa hendak sambung ini, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Ya, saya terangkan lagi.

Tuan Pengerusi: Besok, besoklah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Belum habis lagi....

Tuan Pengerusi: Besok, besoklah. Kalau boleh bawa gambarnya sekali ya. *[Ketawa]*

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Kalau mereka berminat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Kalau tidak berminat tidak apa, saya simpan di pejabat.

Tuan Pengerusi: Kalau ada kereta itu pun bawa sama. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Minat, minat. Kereta bawa, kereta bawa. *[Ketawa]*

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Modelnya ada - yang kecil, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Kita sambung besok ya.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Terima kasih. Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Pengangkutan Udara Negara

6.33 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dasar Pengangkutan Udara di Malaysia. Kebelakangan ini kita dengar tentang cerita pembinaan lapangan terbang di negeri itu, di negeri ini dan di merata tempat. Jadi, saya ingin membangkitkan persoalan ini kerana inginkan penjelasan yang lebih terperinci daripada Kementerian Pengangkutan tentang apakah sebenarnya Dasar Pengangkutan Udara di Malaysia sekarang ini.

Pada pendapat saya dan ekoran daripada pengwujudan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, kita ingat bahawa akan ada hanya dua ataupun tiga lapangan terbang yang besar di Malaysia yang disokong dengan laluan darat dan sama ada dalam bentuk lebuh raya ataupun dalam bentuk keretapi laju di antara bandar-bandar yang ada lapangan terbang dan kita rasa tidak perlu kita ada lapangan terbang, macam sekarang ini di Bayan Lepas ada, di Alor Setar ada, di Ipoh ada - di merata tempatlah, di Johor pun ada.

Tetapi kebelakangan ini, misalnya di Bayan Lepas sudah ada lapangan terbang dan ada cadangan untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang di kawasan yang ditambah semula di Kedah dan saya juga terbaca ada cadangan untuk buat run-away di Perlis. Itu ditambah dengan keadaan yang sedia ada, lapangan terbang di Alor Setar, lapangan terbang yang ada di Ipoh, lapangan terbang yang ada di Kota Bahru, lapangan terbang yang ada di Kuantan, Kuala

Terengganu dan di Johor. Banyak lapangan terbang, jadi kita rasa sebenarnya kita patut ada hanya dua, tiga di sebelah Semenanjung ini dan kita perbaiki sistem pengangkutan jalan dan kita wujudkan sistem pengangkutan rail laju yang menghubungkan bandar-bandar utama ini.

Jadi, kita tidak perlu ada lapangan terbang yang banyak kerana tidak perlulah semua negeri-negeri di Semenanjung ini mempunyai lapangan terbangnya yang tersendiri. Kita fokus untuk mewujudkan dua, tiga lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa, yang boleh menjadi international harb kepada airlines, yang boleh kita betul-betul tumpukan untuk bersaing dengan Singapura dan juga dengan Bangkok sebagai international harb dan sekali gus membantu usaha pembangunan perindustrian di negara kita dan juga pembangunan industri pelancongan di negara kita.

Jadi, sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Jawapan ya.

6.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah pun menyentuh Dasar Pengangkutan Udara dan ucapan penangguhan beliau. Dengan secara ringkas beliau juga bertanya apakah sistem ataupun rangkaian lapangan terbang negara pada masa hadapan dan mengapa begitu banyak landasan ataupun lapangan terbang yang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, saya dengan sukacitanya ingin memberitahu iaitu kita memang mempunyai Dasar Pengangkutan Udara Negara yang memberi penekanan kepada perkembangan dan keperluan penerbangan di negara bagi memastikan sistem pengangkutan udara yang terdapat di negara ini adalah cepat, efisien, selamat dan ekonomikal. Maka, objektif Dasar Pengangkutan Udara tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) memastikan negara ini mempunyai hubungan dengan negara-negara luar melalui pintu utama iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Kuala Lumpur;
- (ii) membawa masuk seberapa banyak syarikat penerbangan asing ke negara ini bagi memudahkan pergerakan penumpang dan kargo;
- (iii) memudahkan perhubungan melalui udara di

antara tempat-tempat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak; dan

- (iv) memastikan terdapat perhubungan yang mudah dengan penduduk-penduduk di tempat-tempat terpencil di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat tersebut di atas, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang adalah menjadi pintu utama kemasukan pesawat-pesawat penerbangan ke negara ini. Memandangkan permintaan penerbangan ke negara ini bertambah dengan pesatnya di akhir-akhir ini, satu lapangan terbang baru untuk Kuala Lumpur sedang dibina di Sepang iaitu dikenali sebagai KLIA dan akan mula beroperasi pada awal tahun 1998 yang akan menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang sebagai pintu masuk utama ke negara kita.

Sebagai pintu masuk ke negara ini yang begitu pesat membangun dan akan menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020, maka KLIA merupakan lapangan terbang yang terancang dan setanding dengan pintu masuk utama ke negara-negara maju yang lain.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang yang akan digantikan dengan KLIA, Malaysia juga mempunyai beberapa pintu masuk lain ataupun dikenali sebagai secondary international entry point, dengan izin, yang membenarkan penerbangan antarabangsa iaitu Lapangan Terbang di Pulau Pinang di utara, Johor Bahru di selatan, Kuching di Sarawak dan juga Kota Kinabalu di Sabah. Lapangan-lapangan terbang ini dapat mengendalikan penerbangan-penerbangan antarabangsa untuk jarak sederhana dan dekat serta penerbangan domestik.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang antarabangsa di atas, kerajaan juga membenarkan penerbangan antarabangsa ke Lapangan Terbang Langkawi yang merupakan satu pusat pelancongan yang sedang berkembang dengan pesatnya di negara ini. Ini adalah kerana terdapat pelancong-pelancong asing yang berminat untuk menuju ke Langkawi sahaja untuk tujuan melancong dan oleh itu penerbangan terus dari destinasi-destinasi luar negeri ke lapangan terbang tersebut adalah dibenarkan. Lapangan Terbang Langkawi telah pun ditingkatkan kepada lapangan terbang Boeing 747 memandangkan terdapatnya keperluan untuk pesawat Boeing 747 mendarat di lapangan terbang tersebut.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, daripada 6 buah lapangan terbang antarabangsa yang disebutkan di atas, terdapat juga 13 buah lapangan terbang domestik yang lain serta 38 buah lapangan terbang luar bandar memandangkan terdapatnya peningkatan penumpang ke beberapa lapangan terbang tersebut, maka lapangan-lapangan terbang berkenaan ditingkatkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan berasaskan jumlah penumpang yang dikendalikan serta kemampuan kerajaan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebuah lapangan terbang baru yang boleh mengendalikan pesawat Boeing 737 telah dibina di Sibul, Sarawak pada tahun 1994 memandangkan permintaan penumpang yang pesat di lapangan terbang tersebut. Hanya pesawat Fokker 50 sahaja yang boleh mendarat di lapangan terbang Sibul yang lama sebelum lapangan terbang baru dibina.

Begitu juga satu lapangan terbang yang dapat mengendalikan pesawat Boeing 737 akan dibina di Bintulu bagi menggantikan lapangan terbang yang ada sekarang oleh kerana kedudukan lapangan terbang Bintulu yang ada sekarang tidak sesuai lagi berikutan dengan perkembangan di bandar Bintulu yang pesat.

Sekiranya dilihat dari mata kasar sahaja, sememangnya terdapat banyak landasan ataupun lapangan terbang yang dibina di negara ini. Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan bahawa pembinaan landasan ataupun lapangan terbang itu dilakukan setelah kajian terperinci dibuat. Sebagai contoh juga, lapangan terbang baru dibina di Sibul dan Bintulu hanya kerana terdapat keperluan bagi pesawat yang lebih besar mendarat di sana sedangkan lapangan-lapangan terbang yang ada hanya dapat mengendalikan pesawat Fokker 50 sahaja. Sekiranya landasan-landasan yang terdapat di lapangan-lapangan terbang tersebut boleh dipanjangkan lagi, sudah pasti pembinaan lapangan terbang baru tidak perlu dilakukan dan landasannya dipanjangkan. Contoh pemanjangan landasan dilakukan ialah di Lapangan Terbang di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan saya, ingin saya memberitahu Yang Berhormat, iaitu kerajaan memang melalui kajian yang terperinci terlebih dahulu sebelum lapangan terbang di mana-mana sahaja akan dibina walaupun terdapat banyak cadangan dari beberapa pihak, tetapi kerajaan hanya akan melaksanakan semua projek yang diagak munasabah. Satu misalan yang cukup baik adalah mengenai cadangan lapangan terbang di negeri Kedah iaitu dikenali sebagai Northern Region International Airport (NRIA). Selepas Kerajaan

Pusat mempunyai siasatan dan juga kajian dengan terperinci, maka dianggap munasabah supaya sebuah lagi lapangan terbang antarabangsa dibina di negeri Kedah iaitu dekat Yan. Walaupun nampak cadangan ini datang dari negeri Kedah, tetapi walau bagaimanapun, apa sahaja rancangan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat, maka lapangan terbang akan dibina.

Satu lagi, Yang Berhormat telah menyentuh juga mengenai cadangan satu lapangan terbang di negeri Perlis. Memang cadangan ini dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Perlis tetapi ini bukan semesti iaitu sebuah lapangan terbang lagi akan dibina di negeri Perlis. Tetapi walau bagaimanapun, untuk memberi jaminan kepada Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan memang mempunyai satu Dasar Pengangkutan Udara, satu kerangka di mana semua rancangan akan dikenal pasti, akan diteliti sebelum kerajaan melaksanakan sesuatu projek seperti pembinaan lapangan terbang.

Sekian, terima kasih.

Pentadbiran Dan Pembangunan Negara Menurut Lunas Islam

6.45 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Bukanlah suatu kemenangan yang patut dibanggakan bahawa kerajaan yang ada hari ini telah berjaya memenangi pilihan raya sejak empat dekad lalu. Kerajaan tersebut hakikatnya adalah suatu amanah dan ujian bahawa Allah S.W.T. menaik dan menurunkan kerajaan, melucut dan memberikan kerajaan kepada siapa yang dikehendakiNya.

Menjangkau setengah abad Kerajaan Barisan Nasional memerintah dengan melaungkan dasar sekularisme dan pragmatisme sebagai anak kunci rahsia segala kejayaan dan kestabilannya, apakah dakwaan tersebut tepat dan benar? Sekularisme dan pragmatisme pada hakikatnya ideologi ciptaan manusia yang menolak peranan wahyu Ilahi. Tidak hairan bahawa akibatnya tercetus pelbagai azab, malapetaka dan keburukan. Pelbagai kemungkaran, kemaksiatan, budaya hedonisme, gejala murtad, pelbagai gejala sosial yang semakin meruncing, budaya rasuah termasuk politik wang yang semakin tidak dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang amat menyedihkan bahawa di dalam keadaan negara ditimpakan pelbagai malapetaka yang mengerikan, tercetus kesinambungan kenyataan pimpinan

kerajaan yang sejak dahulu sikap dan kecenderungan menolak kewajipan membangun negara dengan pendekatan melaksanakan syariat Islam, tetapi irony'nya mereka tidak segan silu meratah penuh kerakusan segala nikmat kurnia Allah S.W.T. terhadap negara ini sama ada sumber dari daratan, lautan, perut bumi, gunung-ganang dan sebagainya.

Pimpinan kerajaan sebenarnya terpuakau oleh 'istiterad' sehingga tidak menyedari serangan 'salibisme' baru yang bukan sahaja menyerang gerakan Islam dan penyokongnya tetapi juga cuba merungkai ajaran dan tassawur Islam itu sendiri. Contohnya, qiamulail membawa kesan negatif. Haramkan arak ataupun judi, negara akan huru-hara dan sebagainya. Itulah kenyataan yang pernah dibuat oleh kepimpinan negara kita ini.

Saya ulangi bahawa kemenangan Kerajaan Barisan Nasional di mana UMNO menjadi tonggakunya bukanlah hadiah percuma atau hadiah peribadi, sebaliknya adalah amanah besar untuk memastikan kehidupan ummah mendapat kemenangan di pentas kehidupan yang sementara ini, di samping mengecap kemenangan dan kejayaan yang telah dijanjikan oleh Allah untuk setiap umat yang bersyukur dan bertakwa. Oleh itu, perlulah kita kembali ke pangkal jalan, rujuk kepada Allah dan Rasul di atas segala perselisihan permasalahan dan perbezaan di antara kita sesama kita.

Sehubungan dengan itu juga, ingin ditegaskan bahawa bagi mengatasi segala kemungkar, riddah, gegala sosial dan sebagainya, negara perlu melafazkan syahadat, dalam erti kata Perlembagaan mengisytiharkan pendaulatan al-Quran dan Hadis dan pelaksanaan segala hukum-hakam berdasarkan syariat Allah S.W.T. di samping peranan dan sumbangan para pemimpin berdasarkan keimanan dan ketakwaan yang sewajarnya. Itulah prasyarat yang diperlukan untuk membangunkan negara demi kesejahteraan dan kebahagiaan ummah dan generasi akan datang tanpa kemahuan politik dan menghormatinya. Pembangunan pesat dan gembargembur hanyalah mendukung nilai-nilai kesementaraan yang relatif dan pasti akan membawa penyesalan yang abadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawapan.

6.50 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood, Ahli Parlimen dari Tumpat adalah menyentuh mengenai pentadbiran di negara ini yang diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah kerana telah mengizinkan Kerajaan Barisan Nasional memerintah hampir setengah abad. Pada zaman sekarang terlalu sedikit kerajaan yang boleh bertahan lama untuk memerintah. Mudah-mudahan Allah akan merestui lagi pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional sehingga ke beberapa abad lagi atau hingga ke akhir zaman.

Kita tidak dapat menafikan bahawa beberapa perkara yang tidak baik berlaku di mana-mana negara, termasuklah Malaysia. Tetapi tindakan yang paling baik bagi mengatasi perkara tersebut ialah membetul, mencegah, membuat undang-undang dan menghukum sesiapa yang bersalah. Inilah tindakan-tindakan yang dijalankan oleh kerajaan dengan tegas sekali.

Kerajaan telah melaksanakan pentadbiran negara berdasarkan prinsip-prinsip Islam mengikut kemampuan dan kesesuaian ummah Islam di negara ini yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Kerajaan menjalankan pemerintahan mengikut Fiqhu-Awlawiyyat ataupun feqah keutamaan, iaitu mendahulukan perkara-perkara yang sangat penting dan perkara-perkara penting yang lain, diikuti pelaksanaan seterusnya.

Dalam bidang pendidikan, kerajaan telah mewajibkan pendidikan Islam kepada semua penuntut yang beragama Islam dan pendidikan moral kepada yang bukan beragama Islam. Pendidikan agama Islam di peringkat sekolah berjaya melahirkan keadaan dan penghayatan ummah terhadap agama Islam. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa jentera pentadbiran bagi mempertingkatkan program agama Islam untuk diperkembangkan syiar Islam di seluruh negara, seperti Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan lain-lain agensi.

Dalam bidang ekonomi, kerajaan telah memperkenalkan sistem kewangan Islam khususnya dari segi perbankan Islam, Takaful, pajak gadai Islam dan Tabung Haji.

Segala pencapaian di atas telah mendapat pengiktirafan negara Islam di seluruh dunia, malah tidak kurang juga terdapatnya negara Islam lain yang ingin mencontohi kejayaan Malaysia dan pentadbiran yang berdasarkan prinsip Islam yang dilaksanakan oleh negara Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.